



TEMUBUAL SEJARAH LISAN

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA: ENCIK HAJI
AHMAD BIN HAJI HAMZAH MENGENAI SEJARAH
KAMPUNG TEBING TINGGI SEBAGAI TOKOH
SEJARAH YANG TELAH MENETAP LAMA DI
KAMPUNG TEBING TINGGI SEGAMAT**

DISEDIAKAN OLEH :

**NORSULIANA BINTI MOHD SAUPI
SYAIDATUL AKMA BINTI OMAR
NURUL SYUHADAH BINTI MUHAMAD JAMIN**

**PROJEK DIMAJUKAN KEPADA:
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA, CAWANGAN JOHOR,
KAMPUS SEGAMAT BAGI MEMENUHI KEPERLUAN
KHUSUS
DOKUMENTASI SEJARAH LISAN - IMR 604**

SEMESTER 5 (SEPT 2017-JAN 2018)

ISI KANDUNGAN

PENGHARGAAN

1.0	ABSTRAK	1
2.0	SINGKATAN KATA	2
3.0	BIODATA PENULIS	3-5
4.0	PENGENALAN TOKOH	6
5.0	BIODATA TOKOH	7
6.0	TRANSKRIP WAWANCARA	8-82
7.0	LOG WAWANCARA	83-86
8.0	KRONOLOGI	87
9.0	SENARAI SOALAN	88-92
10.0	RALAT	93
11.0	RUMUSAN	94
12.0	RUJUKAN	95
13.0	LAMPIRAN	95
14.0	INDEKS	96-100

PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirahim...

Pertama sekali kami ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada Allah S.W.T kerana telah mengurniakan kekuatan fizikal dan rohani kepada kami sepanjang proses melaksanakan projek ini. Tanpa izinNya, tidak mungkin kami mampu menyudahkan projek ini di dalam tempoh masa yang telah ditetapkan.

Tambahan lagi, kami juga mahu mengucapkan ribuan terima kasih terhadap Encik Zul Azmi bin Ishak, pensyarah Oral Documentation (IMR 604) atas segala jasa baik beliau dalam membantu serta membimbang kami sepanjang tempoh menyiapkan projek ini. Tidak lupa juga kepada Haji Ahmad bin Haji Hamzah atas kesudian untuk diwawancara serta kesanggupan untuk meluangkan masa bersama kami sekaligus antara penyumbang besar dalam membantu kami menyiapkan projek ini.

Akhir sekali, tidak dilupakan juga ucapan terima kasih kepada rakan rakan seperjuangan kerana telah sama sama membantu dan menghulurkan bantuan sepanjang menyiapkan projek ini. Serta terima kasih juga diucapkan kepada mana mana pihak yang telah membantu sama ada secara langsung mahupun tidak langsung sepanjang proses kami menyiapkan projek ini. Sekian terima kasih.

1.0 ABSTRAK

Transkrip ini mengandungi temubual bersama tokoh sejarah Kampung Tebing Tinggi, Haji Ahmad bin Haji Hamzah. Temubual ini adalah mengenai sejarah Kampung Tebing Tinggi. Beliau merupakan antara penduduk yang paling lama menetap ni kampung ini. Temubual ini dijalankan di kediaman beliau di Kampung Tebing Tinggi pada dua belas, bulan jun tahun dua ribu lima belas (12 June 2015), jam tiga petang (3.00) sehingga lima petang (5.00). Beliau merupakan bekas anggota polis yang pernah berkhidmat di serata tempat semasa zaman penjajahan Jepun dan zaman darurat. Transkrip ini menyentuh serba sedikit tentang latar belakang beliau serta pengalam beliau sepanjang bertugas sebagai polis dan sepanjang menetap di Kampung Tebing Tinggi ini. Beliau juga ada menyentuh tentang perubahan kawasan dan cara hidup penduduk Segamat daripada masa dahulu sehingga sekarang. Beliau juga ada menyampaikan pesanan dan nasihat yang berguna kepada anak – anak muda yang menetap di Segamat, terutamanya di Kampung Tebing Tinggi. Sebagai orang yang berpengalaman dan telah merasai asam garam kehidupan, beliau mengingatkan pelbagai perkara kepada generasi muda.

2.0 SINGKATAN KATA

UiTM	Universiti Teknologi Mara
OCPD	Officer in Charge of Police District (Ketua Polis Daerah)
DO	District Officer (Pegawai Daerah)
FELCRA	Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan
HG	Home Guard

2.0 BIODATA PENULIS



Nama: Norsuliana Binti Mohd Saupi

Umur: 22 Tahun

Asal: Pasir Gudang

No Kad Pengenalan UiTM: 2013372473

Tarikh lahir: 11.6.1993

Pendidikan awal: SK Kopok

SMK Mohd Khalid

UiTM Segamat



Nama: Syaidatul Akina binti Omar

Umur: 22 Tahun

Asal: Muar, Johor

No Kad Pengenalan UiTM: 2013122721

Tarikh lahir: 25 Ogos 1993

Pendidikan awal: SK Dumpar, Muar

SMK (P) Sultan Abu Bakar, Muar

UiTM Johor



Nama: Nurul Syuhadah Binti Muhammad Jamin

Umur: 22 Tahun

Asal: Kluang

No Kad Pengenalan UiTM: 2013923939

Tarikh lahir: 3.1.1993:

Pendidikan awal: SK Kampong Tengah, Kluang, Johor

SMK Sultan Abdul Jalil, Kluang, Johor

UiTM Johor

4.0 PENGENALAN TOKOH

Nama sebenar Haji Ahmad Bin Haji Hamzah. Berumur 81 tahun. Dilahirkan di Segamat yang datang daripada Kampung Belunyau, iaitu kampung kecil daripada kampung Tebing Tinggi yang berada dua tiga kilometer daripada Kampung Tebing Tinggi ke hilir sungai. Beliau telah menetap di Kampung Tebing Tinggi ini hasil daripada perkahwinan bersama isterinya pada tahun 1951. Isteri beliau merupakan saudara jauhnya yang berpangkatkan ibu saudara. Beliau mula-mula mengenali isteri beliau pada umur tiga belas tahun manakala isteri beliau ketika itu berumur sembilan tahun. Salasilah keluarga beliau juga ramai menetap di Segamat. Berpendidikan awal di Sekolah Inggeris, Segamat sehingga tahap 4 sahaja. Beliau tidak menghabiskan sekolah sehingga tahap 8 kerana berlakunya penjajahan. Pekerjaan awal beliau merupakan seorang polis iaitu juga dikenali sebagai Homeguard dengan nama lain adalah polis kampung. Beliau memulakan kariernya sebagai polis pada umur 17 tahun. Beliau juga telah memulakan kerjayanya sebagai polis di Segamat. Beliau juga berasal daripada keluarga yang susah yang masih mengamalkan kerja-kerja kampung. Beliau merasakan zaman-zaman kegentingan penduduk melayu daripada penjajah Inggeris. Pengalaman beliau merupakan satu penghargaan kepada beliau untuk terus hidup.

5.0 BIODATA TOKOH



Nama: Haji Ahmad Bin Haji Hamzah

Umur: 85 Tahun

Tahun Lahir: 1930

Asal: Segamat

Pekerjaan Awal: Polis Tambahan

Pendidikan awal: Sekolah Inggeris Segamat (sampai kelas 4)

Umur berkahwin: 21 Tahun

Anak: 8 Orang

Pekerjaan ayah: Buruh Kampung

Masalah Kesihatan: Masalah Kurang Pendengaran

6.0 TRANSKRIP WAWANCARA

Berikut adalah sesi rakaman temubual bersama Haji Ahmad bin Haji Hamzah:

6.1 RAKAMAN SATU (1)

Assalamualaikum W.B.T. berikut adalah rakaman wawancara sejarah lisan mengenai tokoh sejarah kampung Tebing Tinggi Segamat Johor Haji Ahmad bin Haji Hamzah. Beliau merupakan antara orang yang paling lama menetap di kampung itu. Pada dalam masa yang sama, beliau juga merupakan orang yang berpengalaman dan mempunyai pengetahuan luas mengenai sejarah kampung tersebut. Sesi rakaman dan temubual ini dijalankan di rumah beliau di Kampung Tebing Tinggi Segamat Johor pada dua belas jun dua ribu lima belas (12 Jun 2015) pada jam tiga petang (3.00 petang). Wawancara ini telah dikendalikan oleh saya Norsuliana binti Mohd Saupi dan dibantu oleh sahabat saya Syaidatul Akma binti Omar dan Nurul Syuhadah binti Muhammad Jamin. Dengan ini saya memulakan wawancara tersebut.

NSS : Asalamualaikum kami daripada UiTM Segamat pelajar fakulti pengurusan maklumat aaa sesi temubual pada petang ini akan direkodkan. Okay uum boleh tak (tidak) atuk ceritakan nama penuh atuk?

HA : Saya nama saya Haji Ahmad bin Haji Hamzah. Itulah [begitulah].

NSS : Aaa boleh ceritakan serba sedikit pasal atuk? Atuk dulu asal mana memang menetap dekat sini ke? [tidak memahami soalan] Atuk dulu [dahulu] memang tinggal dekat sini memang atuk memang asal [berasal] sini? memang asal [berasal] segamat?

HA :Haa saya dulu [dahulu] bukan. saya kampung ada kampung kecik [kecil] belunyau (belunyau ulang dua kali). Dulu dia orangkan [mereka] gunakan sungai. Jadi kampung ni [ini] macam kampung, kampung kampong dia anu jadi saya kampung saya saya nama belunyau kira dua (2) kilometer daripada tebing tinggi ni [ini] ke ke hilir sungai hilir sungai. (batuk) (bunyi cawan) jadi kampung saya kira [dikira] kampung kecik lah [ialah]. Tebing tinggi ni [ini] kampung besar. Haa gitu [begitu].

NSS :Lepaas tu [kemudian] macam mana [bagaimana] atuk datang dok [duduk] tinggal dekat sini?

HA :Jadi haa atuk kawin [kahwin] dengan dia orang ni [ini] (merujuk kepada nenek) (ketawa jadi atuk duduk sinilah. sini ini bukan ini rumah baru. Rumah saya yang lama ada ada lagi sana.

NSS : Dekat mana rumah lamanya. jauh (nenek mencelah) jauh?

HA : Haa rumah lama (nenek mencelah: jauh) rumah lama satu (1) km daripada sini. Daripada sini.

NSS : Ohh jauh.

HA : Satu (1) km lebih

NSS : Kiranya [bermakna] dah [sudah] lamalah atuk menetap dekat sini? [tidak memahami soalan] dah [sudah] lama atuk menetap dekat sini? Lepas kahwinlah?

HA : Daripada kahwin tahun lima puluh satu (51) sampai sekaranglah (penemubual mencelah:sampai sekaranglah) haa masa sebelum itu saya anulah kampung kampung kecik sana belunyu.

NSS : Haa memang pindah sini baru jumpa nenek ke aaa jumpa dulu dekat mana mana baru pindah sini? Atuk kahwin dengan nenek kan. Atuk datang baru jumpa nenek ke da [sudah] jumpa ---

HA : Haaa ada dulu buat [membuat] padi kan (penemubual mencelah: haa macam mana tu [itu]) masa tahun lima puluh (50) masa jepun dululah masa jepun tahun empat puluh tiga (43) buat padi. Empat puluh dua (42), empat puluh tiga (43) jepun sampai sekarang kan kita buat padi padilah jadi padi dekat anu tanah dia ni [ini] lah [ialah] jadi rapatlah tu [itu] dengan dia (oohh) (gelak)

NSS : Ohh itulah ape [apa] mula mula berjumpa?

HA :(Ketawa) haa itulah mula mula jumpa. Masa tu [itu] kecil [kecil] lagi

NSS : Masa tu [itu] umur berapa?

HA : Masa [ketika] tu [itu] umur saya, jepun datang empat puluh tiga (43), empat puluh dua (42) mula jepun datang empat puluh tiga (43), tiga belas (13) tahun lah tiga belas (13) tahun dia ni [ini] Sembilan (9) tahun (gelak)

NSS : Ohh kiranya atuk kahwin umur berapa?

HA : Umur dua puluh satu (21).

NSS : Ohh lamalah menetap duk [duduk] sini dulu baru kahwin semua?

HA : Haaa aaaa

(Nenek mencelahan: sedara [saudara], orang orang dekat kampung dia sana aja [sahaja].)

NSS : Ohh haa ni [ini] sedara [saudara]?

(Nenek mencelahan:haaa sedara [saudara])

NSS : Hum sedara [saudara]. Sedara [saudara]. Atuk sedara [saudara] dengan nenek

HA : Haa?

NSS : Sedara [saudara] dengan nenek. Atuk sedara [saudara] dengan nenek?

HA : Haa anu sedara [sauadara]

NSS : Sedara [saudara] jauh?

HA : Pangkat. Kalau nak [hendak] ikut pangkat dia ni [ini] pangkat mak sedara [saudara]

NSS : Ohh mak sedara [saudara] (gelak)

HA : Haa mak sedara [saudara] kalau nak [hendak] ikut pangkat. Kalau nak mak sedara [saudara] dah [sudah] jauh lah. kata orang dua pupu tiga pupu haa begitulah.

NSS : Atuk kerja apa. masa muda muda dulu?

HA : Haaa masa muda muda dulu saya pernah kerja polis. (penemubual mencelah:polis) Masa tahun haaa apabila darurat diisyiharkan tahun empat puluh lapan (48) masa tu [itu] saya dalam skolah[sekolah] inggeris di segamat ni [ini] hurm jadi saya pun anu ape [apa] ni [ini] berhenti sekolah terus masuk aja [sahaja], diorang [mereka] orang senang aja [sahaja] nak [hendak] mintak [minta] kerja masa tu [itu]. Senang orang nak [hendak] anu. Lagipun begini kalau apeni [apa ini] sebab saya tinggalkan sekolah tu [itu] saya umur dah tujuh belas (17) tahun setengah saya sekolah baru kelas empat (4) sekolah inggeris (penemubual mencelah: ohh lambat) jadi rendah haa maknanya tiga (3) tahun lapan (8) bulan jepun datang itu yang menyebabkan saya. patutnya saya dah [sudah] senior masatu [ketika itu] junior. Kelas lapan (8) ataupun tujuh (7) gitulah.

NSS : Haa dia lambat sikit [sedikit].

HA : Haaa jadi buat ada jepun tu [itu] tiga (3) tahun lapan (8) bulan tu maknanya empat (4) tahun lah maknanya saya tu [itu] baru kelas empat (4) patutnya [sepatutnya] kelas lapan (8) dah [sudah] ada *junior*

NSS : **Tuu [itu] yang masuk g [pergi] masuk polis tu [itu] nye [nya]?**

HA : Hah?

NSS : **Tu [itu] yang nak [hendak] masuk polis?**

HA : Lepastu saya masa tu [itu] hujung bulan lapan (8) anu saya umur lebih kurang tujuh belas (17) setengah nak [hendak] masuk lapan belas (18) belas tahun jadi saya masuk polislah. *Extra* pulak tu [itu], bukan pergi rekrut pergi ke anu *extra* makna dia amek [ambil] gitu [begitu] jelah [sahaja]. Dia belajar belajar baris [berbaris] ape [apa] semua ni [ini] belajar dekat sinilah dekat segamat.

NSS : **Belajarnya sama je [sahaja]. Cuma dia tambahan? Dia bukan rekrut semua?**

HA : Hah?

NSS : **Yang untuk masuk polis tu [itu] haa dia tak [tidak] rekrut dia tambahan?**

HA : Haa tambahan.

NSS : **Haa tapi [tetapi] sama jelah [sahaja]?**

HA : Hah?

NSS : **Masa tu [itu] polis kira ada pangkat pangkat dia jugak [juga] kan?**

HA : Ada ada pangkat

NSS : **Masa tu [itu] atuk macam mana,pangkat? Pangkat atuk?**

HA : Apebenda [apa ini] biasa anu ape [apa] [ni]

NSS : **Mula mula macam mana?**

HA : Mula mula biasalah pasal apa baru berapa tahun. Dia selalu kalau dalam undang undang polis masa tu [itu] lah kalau nak [hendak] naik pangkat tapi sekarang ni [ini] dah [sudah] lekas. Dulu masa tu [itu]. Sekurang kurang kerja dah dua belas tahun (12) kerja baru dia kasik [beri] pangkat.

NSS : **Dua belas tahun?**

IMR 604: DOKUMENTASI SEJARAH LISAN

HA : Haa dua belas (12) belas tahun. Sekarang tidak. Sekarang anu lebih kurang tiga (3) tahun aja [sahaja] dah [sudah] boleh pakai [memakai] pangkat. Anu ada cucu saya tiga (3) tahun dia dah [sudah] boleh pakai [memakai] pangkat (nenek mencelah: ni [ini] dah [sudah] banyak tempat pergi dah [sudah]?)

NSS : Masa muda pakcik haa masa muda muda buat [membuat] padi dulu lepastu [selepas] [itu] baru pergi masuk polis?

HA : Haaa

NSS : Eh.

HA : Dulu time [masa] sekolah lah masa sekolah lah haa masa ape [apa] ni [ini] empat puluh enam (46) jepun dah [sudah] *surrender* [menyerah] kan haa tahun empat puluh enam (46) dah [sudah] *surrender* [menyerah] saya masuk sekolah. Masuk sekolah umur dah [sudah] lima belas (15) tahun lebih dekat enam belas (16) tahun baru kelas *standard* [darjah] *one* [satu] (1) *two* [dua] (2) *three* [tiga] (3) maknanya [bermakna] empat (4) lah. Masa tu [itu] saya pun (penemubual mencelah: tak nak [tidak mahu] belajar) bila bukak [buka] je [sahaja] polis saya pun masa tu [itu] darurat saya pun masuk polis. polis tapi anu bukan rekrut tapi *extra extra* polis tambahan.

NSS : Hurmm memang kalau dalam keluarga atuk ada yang jadi [menjadi] polis jugak ke?

HA : Ye [ia]?

NSS : Dalam keluarga atuk macam mak ayah atuk ada yang jadi [menjadi] polis jugak ke atuk je [sahaja] yang jadi [menjadi] polis?

HA : Masa jepun?

NSS : Haa masa dalam keluarga atuk lah ada tak [tidak] sedara [saudara] yang lain ke yang jadi [menjadi] polis?

HA : Polis?

NSS : Haa ke atuk je [sahaja] yang jadik [menjadi] polis?

HA : Haa masa tu [itu] laa kalau masa tu [itu] takda [tiada].

NSS : Atuk jela [sahaja] yang

HA : Yang sorang sahaja

NSS : Dalam keluarga

HA : Pasal orang masa tu [itu] orang tua dulu atas pada saya jarang yang berkerja. Masa orang putih dulu jarang ape [apa] ni [ini] orang takda [tiada] amek [ambil] orang kampung lagipun orang kampung masa tu [itu] kira takda [tiada] pelajaran masa - - makna orang yang belajar je [sahaja] macam mana masuk polis ape [apa] ni [ini]. Masa orang putih dululah.

NSS : Dulu

HA : Dulu dioang [mereka] takda [tidak] kuatkan sekolah anak anak ni [ini] lebih lagi anak perempuan kan. laki laki [lelaki] macam saya ni [ini]. Anak lelaki bapak [bapa] duduk di belunyau dulu duduk di diam lubuk batu kan ada rumah di atas bukit dulu rumah cik atar yang belakang tu [itu] duduk segamat sekolah gemerah lah lepastu [selepas] [itu] sekolah tinggi segamat.

NSS : Dulu pergi sekolah atuk naik [menaiki] apa?

HA : Jalan kakilah

NSS : Ohh jalan kaki (ketawa)

HA : Kita dulu bukan ada kenderaan apa

NSS : Naik [menaiki] basikal ke (ketawa)

HA : Pergi segamat jalan kaki. Segamat lah jauh lah kira dua (2) batu. Dari sini sampai ke sekolah tinggi segamat. Kalau gemereh sebatu (1) lebih.sikit. Jalan kaki lah mana ada.

NSS : Atuk, apamak ayah atuk kerja apa dulu?

HA : Orang kampunglah

NSS : Kerja kampung lah?

HA : Kebanyakkan oang biasa kerjalah. Orang kampung maknanya apa apa lah yang patut dia buat dia buatlah kerja kampung. Macam tebang menebas apa apa ni [ini] tanam padi. Dulu diorang nomad kan. nomad maknanya tanam padi. Misalan katalah dia tebang satu tempat buat padi tanam padi huma padi darat apabila setahun (1) dua (2) tahun bila bila dah [sudah] takda [tiada] baja tu [itu] pergi tempat tempat lain. Jadi pindah pindah begitu haaa. Itu orang tua dulu (batuk)

NSS : Sekarang ni [ini] (batuk) nak [hendak] atuk ceritakan macam mana segamat ni terjadi?

HA : Hurm?

NSS : Daerah segamat ni [ini] macam mana mula mula segamatnya boleh terbentuk. Segamat ni [ini], atuk dulu [dahulu] macam mana boleh tak [tidak] atuk cerita segamat ni [ini] macam mana mula mula nak [hendak] dapat [mendapat] nama segamat ni [ini] segamat?

HA : Dinamakan segamat?

NSS : Haaa macam mana jadinya ni segamat ni [ini]?

IMR 604: DOKUMENTASI SEJARAH LISAN

HA : Ituu - - saya pun tak [tidak] tahu lah. Dulu segamat ni [ini] namanya rantau panjang. Haa rantau panjang. Selepas tu [itu] ada datang benderah tepok kalau tak [tidak] salah di lubuk batu dia yang alihkan nama daripada rantau panjang ke segamat. Segar amat. Haa apa yang segar amat tu [itu] saya itu saya tak [tidak] berapa tahu. apa macam apa segar segamat ni - - Cuma salasilah tu [itu] saya tak [tidak] pasti sangat. dulu dulu tahu. Sekaang dah [sudah] lupa dah [sudah]berapa lama dah.

NSS : **Masa [waktu] tu [itu] atuk umur berapa?**

HA : Masa [waktu] bila?

NSS : **Masa yang [waktu] cerita cerita bendahara tepok tukar [menukar] nama segamat?**

HA : Haa itu bendahara tepok tukar [menukar] nama itu dah [sudah] dulu kan saya pun masa tu [itu] dalam sekolah saya dah [sudah] duduk ape [apa] ni [ini] ape [apa] ni [ini] kata orang --- atas belah [sebelah] sana jadi lalulah tempuh. kalau pergi sekolah tempuhlah perkuburan datuk bendahara tu [itu].

NSS : **Ada kuburnya dekat sini?**

HA : Ada situ. Datuk bendahara tepok kalau tak [tidak] salah saya tahun berapa ye - - seribu lapan ratus (1800) pasal [kerana] atuk saya dulu [dahulu] nenek saya bukan atuk. nenek saya dulu [dahulu] jadi [menjadi] ape [apa] ni [ini] dia jadi [menjadi] panglima haji ahmad perang jementah. Tak salah saya perang jementah dulu tahun seribu lapan ratus lapan puluh lima (1885) ataupun lapan puluh enam (86) gitulah [begitulah]. Jadi atuk saya panglima haji ahmad nama dia. Dia ni [ini] anu ape [apa] ni [ini] dia sama dengan panglima senchu panglima senchu.

NSS : Masa tu [itu] siapa pemerintah dekat sini. Sultan. Siapa pemerintah?

HA : Pemerintah?

NSS : Haa sultan sultan

HA : Masa tu [itu] sultan abu bakar. Jadi segamat ni [ini] dibawah sultan anu dibawah dulu [dahulu] sultan husein yang duduk [tinggal] di kesang. Jadi dia ni [ini] tak [tidak] mau [mahu] nak ngikut [mengikut]. Jadi Sultan abu bakar nak [hendak] amek [ambil] daerah ni [ini] nak [hendak] penuh kan macam muara muara semua dah [sudah] amek [ambil] tinggal sini lagi. Ini yang menentang ni [ini] panglima senchu dengan panglima haji ahmad. Jadi panglima senchu menyerah kena tangkap, panglima haji ahmad dia lari tinggalkan tempat ni [ini]. Dia lari belunyau laa lari balik belunyau (nenek mencelah)

NSS : Kalau tak [tidak] segamat ni [ini] asalnya dengar kata daerah ke negeri Sembilan?

HA : Huhh?

NSS : Negeri sembilan. Segamat ni [ini] katanya negeri sembilan punya dulu [dahulu]. Ke cam [macam] mana?

HA : Dia asalnya dulu [dahulu] negeri sembilan. Memang dalam negeri sembilan. --- tapi [tetapi] mungkin anu masa [waktu] sultan husein agaknya saya agaknya dia amek [ambil] balik [[semula] daerah segamat dengan kesang muar sana.

NSS : Masa [waktu] dia amek [ambil] tu [itu]

HA : Masa sultan johor ni [ini] sultan abu bakar ambik [ambil] balik [semula]. Dia ambil.

NSS : Macam mana [bagaimana] dia ambil? Ada perang ke?

HA : Ada perang laa.

NSS : Perang?

HA : Perang jementah

NSS : Oohh perang jementah tu [itu] laa

HA : Haa yang kata perang jementah perang jementah tuu [itu] lahh. Perang jementah ni [ini] orang jementah ni [ini] lawan tentera sultan abu bakar.

NSS : Masa sultan nak [hendak] amek [ambil] tu [itu] dia berperang semua baru sultan abu bakar menang?

HA : Haa

NSS : Tebing tinggi ni [ini] berapa luas kampung ni [ini]?

HA : Luasnya

NSS : Haa luasnya. Berapa besar dia. Keluasan dia?

HA : Kalau nak [hendak] kirakan dulu diorang [mereka] tempat ni [ini] luas tinggal lagi apa orang kata kalau setakat anu ape [apa] lima (5) enam (6) rantai dah [sudah] nama kampung lain. Dulu [dahulu] apa ni [ini] rumah sebijik [sebuah] sebijik [sebuah] ni [ini]. Sebijik [sebuah] sebijik [sebuah] rumah bukan macam ini rapat terang, rumah semak. Maknanya, anu macam rumah ni [ini] sebijik haa tuu [itu] semak lah tuu [itu]. Lepas [selepas] tu [itu] rumah sana sebijik. Kemudian kampung nama macam anu -- anu rumah tebing tinggi anu atuk latif anu rumah ape [apa] ni [ini] kampung dia tebing tinggi --- kiranya jauh pandang mata dah [sudah] boleh nampak ini jam [masa] dah [sudah] lain nama. Haaa sebab saya kata macam mana, tebing tinggi ni [ini] kalau kira kira luaslah. Luas maknanya daerah sampai makudnya sampai sungai jementah tu [itu] dikira tebing tinggi. Tinggal kampung nama banyak banyak. Macam kampung saya dengan kampung dia ni [ini] ada dua (2) lagi satu (1) kampung antara kampung tinggi dengan kampung belunya ada satu (1) lagi kampung. kampung jawi namanya. Kampung jawi. Haaa. Ada juga penduduk. Jadi itulah antara kampung kampung ni [ini] semak hutan. Sekarang kita boleh Nampak pandang mata je [sahaja].(nenek mencelah: Nampak pokok kelapa sawit)

NSS : Macam mana orang dulu [dahulu] dia buat [membuat] rumah dia? Macam ini tanah dia ke?

HA : Haa itu tanah dialah. Kira tanah lah.

NSS : Tanah dia pastu [kemudian] dia buat rumah?

HA : Haa tanah dia. Haaa. Masa tu [tanah] tanah dah [sudah] dah [sudah] dah [sudah] ada geran, masing masing ada geran lah. Semak semak takda [tiada] tebang.

NSS : **Macam mana orang kampung ni [ini] dulu [dahulu] dia hidup. Dia buat kerja apa. Dekat [di] sini kaya dengan apa?**

HA : Haa itulah selain daripada buat padi kalau buat padi ni [ini] dia musim musim padi ni [ini]. Kalau tak adalah dia orang [mereka] keja [kerja] anu pasang belukar kalau air naik pasang belukar. Kalau takda [tiada] kang [nanti] dia motong [menoreh] getah. Takda [tiada]. Haa gitulah [begitulah]. Macam tu [itu] lah kerjanya.

NSS : **Kalau nak [hendak] tanam[menanam] padi dekat [di] sini dekat [di] mana tok?**

HA : Ye [lia]?

NSS : **Kalau nak [hendak] tanam [menanam] padi, dekat [di] sini dekat [di] kampung ni [ini], belah [sebelah] mana?**

HA : Huh padi?

NSS : **Haa nak [hendak] buat [membuat] padi dekat [di] kampung ni [ini] nak [hendak] buat dekat [di] mana padinya. Kawasannya?**

IMR 604: DOKUMENTASI SEJARAH LISAN

HA : Padi ni [ini] bawah ni [ini] paya. Ni [ini] bawah ni [ini]. Saya buat ni [ini] tahun. Bawah kelapa sawit ni [ini] tanah saya. Tanah saya. Anuu tahun enam puluh sembilan (69) enam puluh lapan (68) enam puluh lima (65) saya rasa dah [sudah] start[mula] buat. Haa paya lah tu [itu]. Sampai ke sana paya. Diorang [mereka] semua itu lah dulu [dahulu] hidup ape [apa] ni [ini] orang kata hidup anu dengan paya lah. Kat [dekat] mana nak [hendak] beli beras. Takda [tiada] beli beras. Dapat duit susah. Takda [tiada]. Mana yang takda [tiada] paya karang [nanti] buat huma darat. Tebang masa Satu (1) tahun tahan dua (2) tiga (3) tahun. Haa pergi tebang tempat ini pulak [pula]. Haa macam tu [itu]. Pindah pindah gitu [begitu].

NSS : Haa lepastu [selepas itu] orang dah [sudah] tak [tidak] buat [membuat] padi dah [sudah] sekarang dekat kawasan ni [ini]?

HA : Ha?

NSS : Kampung ni [ini] orang dah [sudah] tak [tidak] buat [membuat] padi dah [sudah]?

HA : Buat [membuat] padi. Haa sekarang. Tak [tidak]. Sekarang takda [tiada] dah [sudah] lah.

NSS : Tak [tiada] nampak dah [sudah] pun padi (gelak)

HA : Haa takda [tiada] padi takda [tiada]

NSS : Dia mula orang dah [sudah] tak [tidak] buat [membuat] tu [itu] tahun bila?

HA : Ha?

NSS : Orang dah [sudah] mula berhenti buat [membuat] padi dekat [di] sini bila?

HA : Perang anu. Perang tahun anu enam puluh sembilan (69). bergaduh cina melayu tahun di kuala lumpur. Takda [tiada] orang buat lagi.

NSS : Kenapa?

HA : Buat apa nak [hendak] buat, lepas je [sahaja] bergaduh tu [itu] dah [sudah] ape [apa] ni [ini] barang barang dah [sudah] banyak maknanya beras dah [sudah] ada, apa dah [sudah] ada. Orang apa nak [hendak] buat susahkan badan. Macam saya buat susah susah buat padi huma. Misalan kata lah siapa ada duit belilah.

NSS : Dah [sudah] cukuplah masa tu [itu] dah [sudah] ada beras tu [itu] yang dah [sudah] tak [tidak] buat dah [sudah]?

HA : Beras dah [sudah] ada semua dah [sudah] ada. Masa tu [itu] dah [sudah] tahun --- abis [habis] je [sahaja] gaduh [bergaduh] dengan cina barang barang banyak semua. Takda [tiada] dorang [mereka] tak [tidak] buat. Bukan saya je [sahaj] orang lain semua takda [tidak] buat.

NSS : Orang kampung ni [ini], dia ada macam [seperti] tradisi ke tradisi kampung? Hurmm macam pantang larang ke? Pantang larang dulu dulu.

HA : Pantang larang?

NSS : Haa macam [seperti] tradisi dekat [di] kampung ni [ini] lah

HA : Ohh pantang larang begitu.

NSS : Haaa

HA : Dulu diorang [mereka] menggunakan pawang, banyak guna pawang. Jadi pawang ada banyak pantang larang dia. Lepas pada itu takda [tiada]. Diorang takda [tiada] tak [tidak] pakai [memakai] lagi pantang larang dia.

NSS : Apa pantang larang dia tuk? Pantang larang dia tuu [itu] ape [apa] dia?

HA : Dia saya pun [juga] tak [tidak] berapa anu juga masa kecik [kecil] kecik [kecil] kemarin [kelmarin] ada pantang larang kalau buat padi ni [ini] tak [tidak] boleh sorak [menyorak] ape [apa] benda tempat pipit banyak (ketawa) ape [apa] ni [ini] ada je [sahaja]. Ada pantang larang dia kononnya.

NSS : Siapa yang bagi [memberi] nama kampung tebing tinggi?

HA : Tebing tinggi saya tak [tidak tahu] tahu siapa yang nak [hendak] beri nama akan tetapi tebing tinggi memang ada nama apa ni [ini] tebing tinggi memang saya dah [sudah] tengok tebing tinggi. Dulu diorang [mereka] gunakan daripada segamat kalau pergi ke muar ke kemana lalu kat [dekat] situ ada tebing tinggi. Betul tinggi. Saya memang tengok tebing tinggi. - - dia ada pantun dia. Tebing tinggi awak ingat pantun dia (merujuk kepada isterinya). Saya tak [tidak] ingat pantun dia. - - rumah pasung tebing tinggi, Nampak dari

kuala segamat, telah langsung anda kemari, saya mohon biar selamat. Haa itu dia,dia punya pantun.

NSS : Itu yang dapat namanya tuu [itu]?

HA : Ahh?

NSS : Tuu [itu] yang dapat nama tebing tinggi tu [itu]?

HA : Haa tebing tinggi memang betul. ada tebing tinggi. Nak [hendak] pergi tengok sekarang boleh. kalau pergi sekarang nak [hendak] tengok tebing tinggi tapi [tetapi] ni [ini] air tak [tidak] bah [banjir] ni [ini] susah selalunya air air bah [banjir] kan kalau kita lalu perahu kita nampak tepi rumah imam Hassan sana.

NSS : Apa kesan penjajah dulu, masa zaman penjajah tu [itu] kan zaman inggeris datang zaman british. Masa zaman penjajah, apa kesan dia dekat kampung ni [ini]?

HA : Apa kesan dia

NSS : Haa apa dia bawak [bawa] ke apa yang dia, tinggalan ke ada tak [tidak]?

HA : Sejarah. Kesan penjajah. Saya puun. Takda lah.

NSS : Takdalah [tiada] tok. Kiranya [bermakna] dia tak [tidak] kacau sinilah.

HA : Huh?

NSS : Kira [bermakna] masa [waktu] penjajahan tu [itu] semua masa [waktu] penjajah datang tu [itu] takda [tiada] kesan dekat kampung ni [ini] lah.

HA : Takda [tiada] lah. Rasa saya takda [tiada]. Kesan kesan penjajah takda [tiada]. Penjajah takda [tiada].

NSS : Macam [seperi] saya ada dengar banyak cerita cerita pasal segamat kan. Pasal [mengenai] nama dinamakan pasal bendahara minum air rasa segar, segar amat. Nak [hendak] dapatkan [mendapatkan] nama segamat tu [itu] kan banyak cerita mitos dia kan. Antara cerita cerita yang atuk dengar? Cerita mitos nak [hendak] bolehkan dapat nama segamat. Ada orang kata minum air sungai rasa segar.

HA : Eh tak bukan.

NSS : Haa jadi yang mana betul?

HA : Nama segamat ni [ini] sebenarnya - -saya dah [sudah] lupa laa salasilah dia. Tak [tidak] silap saya ada. Rasa saya dulu adalah. Tapi saya dah [sudah] lupalah. Apa yang dikatakan segamat ni [ini]. Dulu [dahulu] rantau panjang nama dia. Lepastu [kemudian] baru dinamakan segamat. Kalau bendahara tepok yang segar dia minum air segar itupun saya tak [tidak] apa ni [ini] tak [tidak] berani nak [hendak] cakaplah. Pasal [kerana] saya tak [tidak] berapa ingat. Dulu memang saya tahuolah.

IMR 604: DOKUMENTASI SEJARAH LISAN

NSS : Kampung ni [ini] ada dapat[mendapat] apa apa anugerah ke?

HA : Huh?

NSS : Kampung ini ada dapat [mendapat] apa apa anugerah ke?

HA : Anugerah daripada apa tu [itu].

NSS : Daripada mana manalah. Kerajaan ke pejabat daerah ke?

HA : Anugerah saya tak [tidak] tahu lah. Kalau daripada kerajaan. Bukanlah daripada kerajaan. Dulu kalau diorang [mereka] kat [di] sini main kompong kan kompong. Boleh dikatakan tebing tinggi ni [ini] yang terbaik. Tu [itu] yang dapat dia punya anugerah tu [itu]. Saya pun tak [tidak] tahu lah. Itu yang saya tahu. Daripada kerajaan, saya pun tak [tidak] tahulah.

NSS : Pesanan atuk kepada orang muda dekat [di] kampung ni?

HA : Huh?

NSS : pesanan atuk untuk orang muda kat [di] kampung ni [ini]?

HA : nak [hendak] saya pesankan saya ni [ini] zaman - - - orang kata. Kerana jauh jauh lagi sampai. Pesan pesan pada budak muda ni [ini]. Pasal [kerana] apa tak [tidak] sama. Ape [apa] ni [ini]. Kita muda dulu tak [tidak] sama dengan muda sekarang. Jadi nak [hendak]

pesan pesan orang kata nanti orang tua dah [sudah] nak [hendak] mampus [mati] tak [tidak] nak [mahu] pun - - - (batuk)

NSS : Harapan atuk untuk kampung ni [ini]?

HA : Huh?

NSS : Harapan. Untuk kampung ni [in]. Harapan atuk untuk kampung ni [ini].

HA : (Batuk) harapan dekat [untuk] kampung ni [ini]. Majukan aja [sahaja]. Sekarang pun dah [sudah] maju. Anak anak anak cucu saya biar dia pergi sekolah sampai ke menara gading kata orang. Haa ada cucu saya dua (2) tiga (3) empat (4) orang dah [sudah] ada menara gading.

NSS : Anak atuk berapa orang?

HA : Anak atuk tujuh (7). Anak lapan (8), empat (4) lelaki empat (4) perempuan. Tapi sorang [seorang] yang pertama beranak matilah. Lepastu [kemudian] tinggal sekarang ni [ini] (batuk) tinggal empat (4) lelaki tiga (3) perempuan. Yang perempuan yang lagi satu (1) baru je [sahaja] meninggal tahun kosong sepuluh 010 (2010). Dah dua (2) perempuan. (nenek mencelah: di hospital) saya bukan nak [hendak] katakan ada sorang [seorang] dapat [mendapat] datin.yela [ialah] dia lah. Dia sekarang datin. Dia kahwin dengan orang Kelantan dia orang johor. Laki [suami] dia pandai apa ni [ini] kalau orang tengok dia nama datuk yahya ahmad ghani dia jadi senator.

NSS : Yang muda umur berapa?

HA : Huh?

NSS : Yang paling anak paling bongsu umur berapa?

HA : Anak bongsu?

NSS : Haaa. Umur berapa?

HA : Sekarang ni?

NSS : Haa yang sekarang?

HA : Sekarang ni [ini] dia umur dia tahun enam puluh enam (66) - - - lelaki. (nenek mencelah: bertanya soalan kepada kami)

NSS : Anak anak atuk tinggal dekat [di] sini ke rumah dekat [berhampiran] dekat [berhampiran] ke?

HA : Ada. Tuu [itu] anak yang tua. Sebelah rumah. Ni [ini] anak yang kecil [kecil]. Yang lain semua johor ada seremban (nenek mencelah) tinggal lengga dengan - - -

NSS : Ada tak [tidak] anak atuk yang jadi [menjadi polis jugak ke?]

HA : Polis. Takda [tiada].

NSS : Takda [tiada] semua tak [tidak] minat.

HA : Anak takda [tiada] pasal [kerana] dia ni [ini] ada yang pengurus ladang ada yang jadi [menjadi] pegawai ladang yang sorang [seoang] lagi kerja loji air. Halim sana di - - - jadi pengurus bukan dia pegawai ladang juga.

NSS : Kita rehat dulu nanti [kemudian] kita sambung.

HA : Huh?

NSS : Rehat dulu [dahulu]. Kita rehat minum dulu [dahulu]. nanti kita sambung.

Tamat Rakaman Satu (1)

6.2 RAKAMAN DUA (2)

SAO : Ok [okay], kita sambung lagi. Sekarang umur atuk berapa? Tahun dua ribu lima belas (2015) ni [ini] umur berapa?

HA : Ya? (Reaksi muka seperti tidak mendengar soalan yang diberi)

SAO : Umur atuk sekarang berapa dah [sudah]?

HA : lapan puluh lima (85). Nak masuk, habis ni [ini], -- saya lahir tahun tiga puluh (30) kan, maknanya tiap [setiap] tahun satu satuh lah. --- lapan puluh lima (85), lapan puluh lima (85) lah umur. Ni [ini] habis tahun ni [ini], masuk lapan puluh enam (86) lah pula.

NSS : Panjang umur.

HA : Kalau panjang. Tak [tidak] tahu lah panjang umur atau tak [tidak] panjang umur. Itu bukan kita punya [kuasa], dalam tangan Tuhan.

SAO : Ok [okay], adakah atuk terlibat secara langsung tak [tidak] dalam proses dapatkan Segamat pada masa tahun tu [itu]?

HA : Ya?

SAO : (Ulang soalan) Atuk terlibat tak [tidak] dalam proses dapatkan Segamat? Semasa Perang Jementah tu [itu] untuk dapatkan Segamat, atuk terlibat sekali tak [tidak] dalam perang tu [itu]?

HA : (Reaksi muka tidak mendengar dan memahami soalan)

NSS : Semasa perang, kan atuk kata dulu masa Sultan Abu Bakar, kan ada perang nak [hendak] dapatkan Segamat, masa tu [itu] atuk jadi [sebagai] apa, atuk kerja dah [sudah] jadi [menjadi] polis ke jadi [menjadi] apa?

HA : --- masa tu [itu] mana atuk ada.

NSS : Oo atuk tak [tiada] ada, belum lahir lagi?

HA : Perang tahun lapan puluh (80), seribu lapan ratus lapan puluh lima (1885).

SAO : Oo belum ada lagi.

HA : Atuk tahun tiga puluh (30), mana ---

NSS : Atuk tahu daripada ni [ini] lah, orang cerita lah?

HA : Ha, daripada orang cerita dulu lah. Daripada arwah mak, dia cerita lah. --- ni [ini] sambung sama ada dia betul tak [tidak] betul, kalau dia tak [tidak] betul kita tak [tidak] betul lah.

SAO : Ok, apakah sumber utama pendapatan penduduk Segamat? Sumber utama pendapatan, maksudnya apa pekerjaan diaorang [mereka] ke, masa tu [itu]. Masa tahun awal – awal atuk kat [di] sini.

HA : (Reaksi muka tidak mendengar dan memahami soalan)

NSS : (Ulang soalan) Tebing Tinggi, ni [ini] dia orang selalu buat, atuk kata kan menoreh apa, macam getah kat [di] sini kan, maksudnya kira masa dulu orang kampung semua itulah hasil getah tu [untuk] dijual nak [hendak] dapatkan duit?

HA : Getah mula *start* tanam dalam, kalau tak salah saya adalah dalam tahun -- bawa daripada Brazil sana datang ke mari di tanam di Singapura kalau tak salah dulu, itu cerita dia. Daripada Singapura baru dikembangkan ke Malaysia ni [ini] dalam tahun – seribu (1000), seribu tujuh (1007), seribu sembilan ratus tujuh (1907), seribu sembilan ratus kosong tujuh (1907), satu sembilan kosong tujuh (1907). *Start* [mula] daripada Singapura dia datang --- jadi maknanya getah dia getah enam (6) tahun baru dia toreh. Jadinya kalau tujuh (7) dia sampai sini, lapan (8) Sembilan (9) sepuluh (10) sebelas (11) dua belas (12), seribu sembilan ratus tiga belas (1913) tahun, seribu sembilan ratus tiga belas (1913) baru diaorang [mereka] potong, orang Malaysia ni potong getah.

NSS : Kat sini ada bijih timah ke? ---

HA : Bukit timah?

NSS : Bijih timah. Timah.

HA : Oo bijih? Bijih tak [tidak] ada. Bijih timah ---

SAO : Macam mana terbentuknya Kampung Tebing Tinggi ni [ini]?

HA : Ha? (Reaksi muka tidak mendengar dan memahami soalan)

SAO : (Ulang soalan) Macam mana Kampung Tebing Tinggi ni [ini] boleh ada, masa zaman tu [itu]?

HA : (Reaksi muka tidak mendengar dan memahami soalan)

NSS : (Ulang soalan) Atuk kata tadi bila *time* [masa] bah [banjir] orang lalu nampak tebing kan, kira orang yang naik perahu tu [itu] semua, dia lah yang tinggal kat [dekat] sini, dia, dia lah jadi penduduk awal dekat sini? Ke memang dah [sudah] ada orang?

HA : Dulu dia dulu, orang (gelak) apa ni [ini] orang, dulu diaorang [mereka] menggunakan sungai jadi macam jalan raya. Jadi orang bukan daripada Tebing Tinggi saja, orang daripada Bukit Kepong, orang daripada bawah luar daripada Muar kalau nak [hendak] pergi ke hulu ni dia memang lalu kat [di] sini lah. Kalau nak [hendak] pegi [pergi] Segamat, orang daripada Muar nak [hendak] pergi Segamat dia lalu --- sungai ni [ini]. Jadi dulu dia orang [mereka] gunakan jalan raya, sungai jalan raya [menggunakan sungai sebagai laluan utama].

NSS : Yang duduk sini [menetap di sini] tu [itu] dia buka, memang dah [sudah] ada penduduk lah kat [di] kampung ni [ini]?

HA : Memang dah [sudah] ada.

NSS : Bukannya dia datang dari mana? ---

HA : -- Orang mula duduk sini kalau tak [tidak] salah saya, saya pun tak [tidak] tahu lah siapa dia Tebing Tinggi yang buka, Tebing Tinggi ni [ini]. Yang buka Tebing Tinggi ni [ini] saya pun tak [tidak] tahu siapa dia – tapi [tetapi] kebanyakan dia orang sini, keturunan daripada Daik kalau sebelah anu [tidak mempunyai maksud], orang Daik, Daik dari Pulau ---- Bentan.

NSS : Keturunan sana?

HA : Ha, keturunan Bentan, keturunan Terengganu, keturunan Minang. Jadi saya ni [ini] keturunan Minang la, orang Minang.

NSS : Minang.

HA : Dia dulu kalau orang Daik, orang Minang --- dia naik, misalan kata dulu dia orang [mereka] sebab jadi penduduk sini, dia orang [mereka] kalau daripada Daik, daripada seberang Sumatera ni [ini], datang ke mari dia naik ikut sungai tengok orang tak [tidak] ada, tebang, tebas buat kampung. Duduk situ. Begitu.

NSS : Dia kira macam tu [itu], dia tak [tidak] ada orang dia ambil.

HA : Saya pun tak [tidak] tahu siapa orang daripada negara mana yang datang, tapi [tetapi] biasanya selalu daripada orang daripada Sumatera la, daripada Minang. Tebang buat kampung. Buat kampung. Lepas itu baru dia bila dah ramai karang [nanti] baru lah yang kata orang Terengganu ke apa benda --- Tebing Tinggi ni macam orang Terengganu, keturunan Terengganu. --- Banyak orang daripada Terengganu, banyak orang daripada Daik, selalu daripada seberang lah.

NSS : Dia datang tu [itu] macam mana? Dia datang, orang seberang, orang seberang datang sini tu [itu] naik ni [ini] lah, lalu sungai lalu mana, jalan mana -- datang?

HA : Kalau mengikut sejarah, saya ikut anu, dia orang tu [itu] lah yang macam saya cerita. Orang daripada Sumatera, daripada Minang, ataupun daripada Daik ke daripada Daik --- pulau ni [ini] datang ke mari, itu lah. Dia naik ikut sungai, ikut sungai. Dia macam ni [ini] ada penduduk macam dia masuk daripada Muar sana, sampai kat [sampai di] apa ni [ini], dia tengok orang ada situ dia mudik [kayuh] lagi, mudik [kayuh] lagi sungai. Tengok ada orang buka --- ada orang datang. Selalu orang banyak datang. Mana yang dah [sudah] ada tempat, tempat dia. Orang yang datang tu [itu] dia pergi ke atas, ke atas, ke atas.

NSS : Dia cari yang kosong, yang tak [tidak] ada [orang] baru dia ---

HA : Jadi saya ni [ini] dulu asal daripada Minang lah. Saya daripada Minang, orang Minang. Dia pun daripada Minang juga. Ada keturunan Daik, keturunan Daik ada. ---.

NSS : Keturunan atuk tadi yang atuk cerita, atuk atuk [datuk kepada Haji Ahmad] yang terlibat dalam apa perang, dengan semencu, Panglima semencu?

HA : Panglima semencu [Panglima Sanchu]?

NSS : Kan ada atuk punya atuk tu [itu] kan [datuk kepada Haji Ahmad], macam mana cerita dia tu?

HA : Panglima Sanchu dia, saya tak [tidak] orang daripada mana dia Panglima Sanchu, kemudian dia lah yang jadi ketua yang jaga [menjaga] Jementah ni. Jadi apa ni [ini],

atuk saya Haji Ahmad ni [ini] Tumurang nama dia, Tumurang, dia bawa lah dia. Dia orang banyak keturun [keturunan] Bugis, sini banyak Bugis. Jarang Bentan. Jadi Bentan kahwin dengan Bugis, jadi begitu lah.

NSS : Dah [sudah] bercampur.

HA : Kahwin campur. Jadi anak tu [itu]. Macam saya. Bapa saya orang apa ni [ini], orang Minang. Mak saya orang Bugis. Begitu. Keturun [keturunan] Bugis. Bapa keturun [keturunan] Minang. Dia ni [ini] bapa Minang, mak dia orang Kelantan. Bentan tak [tidak] tahu daripada mana keturun dia, tak [tidak] tahu.

SAO : Apa keistimewaan kampung ni [ini] pada, pada atuk?

HA : Apa dia?

SAO : (Ulang soalan) Keistimewaan kampung ni [ini] pada pendapat atuk?

HA : Istimewa?

NSS : Apa yang atuk sayang sangat dekat kampung ni [ini]? Macam taknak, taknak pergi dah [sudah] mana – mana. Nak [hendak] duk [tinggal] kat [di[kampung ni [ini] jugak [juga]. Keistimewaan dia.

HA : Istimewa tak [tidak] ada istimewa nya. Yang sebenarnya kita ada, apa orang kata. Saya duduk sini mula - mula apa ni [ini], saya punya kira orang apa ni [ini], kerja bukannya, ni jam [zaman sekarang] orang makan gaji toksah [tak perlu] cakap lah dia

boleh dapat kebun, beli kebun. Kebun sekarang tiga puluh ribu (RM 30,000), empat puluh ribu (RM 40,000), boleh beli? --- makan gaji, habis gaji apa tak [tidak] ada. Saya ni [ini], lepas [selepas] je [sahaja] kerja polis --- lepas kerja polis, saya balik kampung ni [ini]. Saya masa kerja polis umur lapan belas (18) sampai tahun lima puluh (50), dua puluh tiga (23), umur saya berhenti. Saya berhenti, balik kampung ---. Dia ni [ini] sebanyak sikit ada kebun, empat (4) ekar kebun getah. Jadi saya ni [ini] dapat lah menoreh sebab atuk, bapa saya, bapa mertua saya dah [sudah] meninggal. Saya menoreh lah. Jadi dalam menoreh toreh tu [itu], saya apa ni [ini], dapat saya tanah sembilan (9) ekar.

NSS : Daripada empat (4) tu?

HA : Ha daripada empat (4) tadi dia punya, ni [ini] sembilan (9) ekar saya punya. Sembilan (9) ekar setengah. Ni tanah --- bahagian saya lah ni. Dulu paya bawah ni [ini], ni [ini] tanah saya mohon, dapat. Ni [ini] bukan beli, mohon masa itu masih, tanah masih banyak lagi kan. Jadi kita mohon – mohon, dapat. Saya dapat sembilan (9) ekar setengah.

NSS : Macam mana nak mohon nya atuk? (Ulang soalan) Macam mana mohon?

HA : Pergi kat Pejabat Tanah lah.

NSS : Macam tu je lah (macam tu saja lah), tak [tidak] ada --- lepas tu [itu] minta nak [hendak] ini?

HA : Kita pergi Pejabat Tanah, kita tengok dalam peta *map* --- mana kosong tak [tidak] ada orang yang punya. Kita mohon lah, mohon apabila *recommend* dia luluskan, kita dapat lah.

SAO : Maksudnya tak payah [tak perlu] bayar apa – apa lah untuk tanah tu [itu]?

HA : Mesti bayar lah.

SAO : Bayar juga lah. Beli lah kira [maksudnya].

HA : Bayar. --- mesti bayar dia punya --- pada kerajaan. Itu hasil kerajaan, pasal kita mohon tanah, tanah kerajaan. Jadi hasil dia, dia nak [hendak] lah. Bayar lah. Jadi kita lah sendiri yang nak [hendak] --- kita buat. Jadi saya buat --- getah tua, orang tua dulu tinggal pada, peninggalan orang tua. Tahun lima puluh lima (55) saya *start* [mula] tebang. Tahun enam puluh satu (61) saya mula *start* makan hasilnya. Itu lah dia, kembang kembang kembang [berkembang]. Jadi dapatlah saya menyekolahkan anak – anak ---

SAO : Masa atuk bertugas jadi polis tu [itu], atuk tak [tidak] bertugas dekat [di] kawasan Segamat lah?

NSS : (Ulang soalan) Masa atuk jadi polis, atuk, dia hantar atuk pergi mana?

HA : Hantar?

NSS : Kira atuk bertugas kat [di] sini ke dia orang [mereka] hantar tempat – tempat -

--

HA : Kerja dalam polis? Banyak tempat --- tukar, selain daripada Segamat. Mula asal, saya bukan rekrut kan, cuma polis tambahan aje [sahaja]. Saya belajar berbaris di Segamat tiga (3) bulan, lepas itu dia hantar -- Chaah kalau tak salah saya, Chaah sebulan lebih, dua (2) bulan saya duduk Chaah. Kemudian saya balik ke Labis, saya kena pergi Tasik Bera sana -- ya Tasik Bera. Balik daripada Tasik Bera dia hantar saya ke Tanah Kampung -- daripada Tanah Kampung sebulan, setahun, dua (2) tahun, dia hantar, dia pergi hantar ke Gambir, -- Gambir -- balik Gambir -- balik Gambir kalau tak [tidak] salah saya -- lima puluh tiga (53) ke lima puluh (50), ya lima puluh tiga (53) bulan empat (4), bulan enam (6) kalau tak salah saya balik daripada Gambir. Seribu sembilan ratus lima puluh tiga (1953) bulan enam (6) --- berhenti. Itu lah --- berhenti. Bulan sepuluh (10) tahun lima puluh (50), tahun lima puluh tiga (53) saya berhenti daripada kerja polis.

NSS : **Atuk berhenti, bukan pencen lah? (Ulang soalan)** Atuk minta berhenti lah, bukan pencen? Bukan bersara?

HA : Tak [tidak] ada pencen. Ni jam [zaman sekarang] lebih daripada pencen. Pencen --- je [sahaja] yang dapat, pendapatan saya lebih daripada pencen. Orang – orang yang pencen --- dah [sudah] tak [tidak] ada lagi. Kalau ada pun saya cakap dengan awak, yang sama kerja kelmarin [dahulu] pendapatan awak berapa pencen. Dia tak [tidak] ada kebun, saya ada kebun. Boleh turun anak, pada cucu. Hasilnya pula itu pada kita, terpulang pada kita. Kalau kita kuat tanam apa jenis, dapatlah hasil. Kalau dah [sudah] tua apa nak buat ---

NSS : **Satu – satu tempat tu [itu] dia hantar lama atuk? Dia hantar pergi satu tempat, satu tempat tu [itu], lama? Dia suruh pergi Gambir, pergi ni [ini].**

HA : Tak [tidak] berapa lama, tak [tidak] ada lama. Dia, saya daripada Sungai Karas, daripada Labis dia hantar Sungai Karas, setahun, setahun lebih dia hantar ke Tasik

Bera --- bulan, balik Labis. Sebulan lebih dia hantar ke Chaah. Dua (2) bulan, dia panggil balik Labis. Paling lama di Labis, jadi --- OCPD, --- OCPD.

NSS : Kerja buat apa?

HA : --- jadi anu, apa OCPD suruh kita buat lah. OCPD suruh, masa tu Encik Wahid. Yang tu [itu] saya lama. Tahun lima puluh (50) kalau tak [tidak] salah saya. Tahun lima puluh (50) saya jadi, ha ya. Lepas tahun lima puluh (50), dia begini. Balik – balik cerita, saya pun banyak lupa dah [sudah]. Dulu masuk polis, selepas tiga (3) bulan, tahun empat puluh (40) --- tu [itu] yang saya jadi, tahun empat puluh sembilan (49) saya jadi --- OCPD. Jadi --- OCPD setahun, OCPD tukar saya pun, itu yang dihantar ke Tanah Kampung, --- setahun selepas itu dihantar ke mana. Daripada Sungai Karas, Sungai Karas pergi, Labis hantar Sungai Karas, Sungai Karas balik ke Labis hantar ke Tanah Kampung. Chaah, Chaah daripada mula – mula je [sahaja]. Tanah Kampung, Chaah, Tanah Kampung, lagi mana dia hantar. Tasik Bera, Tasik Bera, Gambir, lagi -- balik Labis. Balik Labis, Labis saya berhenti.

NSS : Labis lah *last* nya? (Ulang soalan) Labis tu [itu] lah, lepas itu atuk berhenti? Dekat Labis, yang dah hantar pergi Labis, lepas itu atuk dah [sudah] berhenti dah [sudah]? Dah [sudah tak [tidak] ada dah [sudah]? Dah [sudah] taknak dah? Kan tempat terakhir yang dia hantar, atuk dah [sudah] pergi tu [itu], pergi Labis *last* kan, lepas Labis tu [itu] atuk dah [sudah] berhenti lah? Dah [sudah] taknak dah [sudah]?

HA : Dah [sudah] taknak lagi.

NSS : Kalau atuk pergi tempat – tempat tu [itu], bawa nenek sekali lah? Ke nenek tinggal?

HA : Tak ada, saya kahwin dengan dia ni [ini] masa tu [itu] kita duduk, saya duduk Sungai Karas. Saya duduk Sungai Karas, apa ni [ini]. Lebih kurang setahun, Sungai Karas. Kahwin dengan dia ni [ini]. Lepas kahwin dengan dia tahun lima puluh satu (51) – tiga (3) bulan saya bawa dia, dulu dia tak [tidak] ada berek lah masa darurat, mana rumah mana ada kan. Darurat. Rumah, duduk pondok macam kecik [kecil] ---. Lepas tu [itu] saya hantar balik, hantar balik. Tak [tidak] berapa lama tu [itu] lah yang saya, yang saya berhenti. -- Penjajah dulu dia orang [mereka] gunakan tenaga kita je [sahaja], gunakan tenaga kita. Punya, hasil nya upah anak yang mana pekerjaan kita tu -- cuma dia beri kita cukup makan je [saja]. Tak ada lebih. Sekarang macam budak ni [ini], ada cucu saya tu [itu] dia *start* saja jadi rekrut, dia [gaji] seribu lebih. --- sekarang gaji, sekarang ni [ini] dah [sudah] besar. Prebet aje [saja] dua ratus enam puluh (RM 260). Tak [tidak] ada pangkat, dua ratus enam (206), dua ribu enam ratus (RM 2,600).

NSS : Kalau dulu? Dulu berapa dia bayar?

HA : Dulu enam puluh lima ringgit (RM 65). Dia punya --- skim nya, masa tu --- skim lah, penuh – penuh, lapan puluh lima (RM 85). -- Apa nak makan. Baik, susah lah. Itu berdua je, kalau banyak anak banyak, susah betul. Orang putih betul – betul lah, penjajah ni [ini] dia betul – betul dia nak [hemdak] kan tenaga kita je [sahaja]. Dia beri kita cukup makan je [sahaja]. Tak [tidak] ada lebih.

NSS : Masa darurat tu [itu] macam mana atuk hidup dia? (Ulang soalan) Macam mana hidup masa darurat?

HA : Hidup?

NSS : Macam mana kehidupan masa tu [itu] lah. Atuk ada sempat , atuk rasa darurat kan? Macam mana masa tu [itu], orang hidup macam mana? Susah dia?

HA : --- Orang masa tu [itu], orang yang mana yang berada tu [itu] maksudnya mana yang ada kebun banyak ni [ini], senang lah dia. Kalau yang tak [tidak]ada tu [itu], dia walaupun senang macam mana pun masa darurat tu [itu] memang terpaksa kita -- masa Jepun, bukan masa darurat, masa Jepun terpaksa kita buat padi. Masa Jepun getah tak [tidak] laku. -- apa cerita tadi?

SAO : Kampung Tebing Tinggi ni [ini] memang terdiri daripada pelbagai kaum, maksudnya melayu, cina, india pun ada duduk kat [di] kampung ni [ini]? Ke melayu saja?

HA : Kampung?

NSS : Orang yang tinggal dekat ni [ini], kampung ni [ini], ada melayu, cina, india ke melayu je [sahaja]?

HA : India, cina tak [tidak] ada. Melayu semua.

NSS : Melayu je [saja] semua?

SAO : Memang daripada dulu memang Melayu saja lah kat [di] sini?

HA : Melayu, tinggal lagi apa orang kata. Melayu tu, bila sebut melayu aje [saja] termasuklah Aceh ke, apa ni Minang ke, orang apa, Bugis ke apa, semua lah. -- Cina takde [tiada] sini. Yang ada seorang dua kuli je [saja], dia buat kerja. Ada duit, dia lah suruh orang buat kerja.

SAO : Setakat ni [ini] berapa umur penduduk paling lama kat [di] sini? Yang masih ada. Umur dia. Paling tua lah kat [di] kampung ni.

HA : Yang paling tua, saya lah.

SAO : Lapan puluh lima (85) lah?

HA : Saya sama Haji Bakar. Haji Bakar tahun lima puluh (50), tahun, Haji Bakar tahun, umur dia enam (6), lima puluh enam (56), saya lima lapan (58), lapan puluh enam (86), saya lapan puluh lima (85). Yang lain tu, yang lain semua dah tak ada lagi, tinggal lagi maknanya baya [sebaya] anak saya je [saja], kebawah. Yang tua tu [itu] lah dia, tinggal yang perempuan ada yang tua, --- dia tu [itu] dah [sudah] sembilan puluh (90) lebih tu [umur], perempuan ada dua (2) tiga (3) orang yang tua. Yang tua daripada saya tu [itu] ada tiga (3) empat (4) orang. Tiga (3) orang. Long Chik, ---, tu Munah Hashim. Orang perempuan ada lebih. Long Chik kalau tak [tidak] salah saya dah [sudah] umur sembilan puluh (90) tak [tidak], dia tahun dua puluh empat (24) – dua puluh empat lah (24), dua puluh empat (24). Umur sembilan puluh satu (91) lah.

SAO : Setakat yang atuk duduk kat [di] sini lah kan, daripada dulu sampai sekarang, banyak tak [tidak] perubahan yang ada, yang berlaku kat [di] kampung ni [ini]? Macam dari segi kehidupan dia, ataupun pembangunan kat [di] kampung ni [ini]. Ada tak [tidak] perubahan dia?

HA : (Reaksi muka tidak mendengar dan memahami soalan)

NSS : Dulu kampung ni [ini] macam mana, sekarang atuk tengok dia dah [sudah] jadi macam mana? Dulu mesti tak [tidak] ada rumah – rumah macam ni [ini] kan atuk, dulu macam mana, beza dia.

HA : Dulu tak [tidak] ada, sekarang dah [sudah] banyak pembangunan.

NSS : Beza dulu dengan sekarang?

HA : Macam rumah ni [ini]. Rumah ni [ini] tu [itu], macam sebelah – sebelah ni [ini] dah [sudah] diri rumah. Rumah ni [ini] kiranya kalau dua puluh dua puluh (2020) esok kira ada kemajuan, rumah ni [ini] dah [[sudah] maju dulu.

NSS : Sekolah tu [itu] pun dia baru buat ke atuk? (Ulang soalan) Sekolah, baru buat?

HA : Baru buat.

NSS : Dulu kat [di] kampung ni [ini] ada sekolah?

HA : Ada. Tapi sekolah apa ni [ini], atas tu [itu] juga. Tapi dia punya --- kurang lah. Sekarang dah [sudah] dirikan batu. Berapa tahun. Empat lima (4 - 5) tahun lah yang lepas. Dia ni [ini] sekolah Tebing Tinggi. ---

NSS : Dulu jalan raya ni [ini] tak [tidak] ada kan?

HA : Tak ada. Jalan raya tu [itu] tak [tidak] ada. Jalan raya ni [ini] kalau tak [tidak] salah tahun -- sembilan ratus -- dulu teruk. Macam saya nak [hendak] pergi Segamat ni [ini], ikut sungai.

NSS : Dulu ni [ini] sungai ke?

HA : Ni[ini] tak [tidak] ada.

NSS : Sungai je [saja] lah? Ni [ini] macam hutan lah? Macam tanah, hutan, macam tu [itu] lah?

HA : Hutan. Tahun lima puluh empat (54), lima puluh lima (55), lima puluh enam (56) tak [tidak] salah jalan ni [ini]. Baru tak [tidak] ada ni [ini], cuma ---. Kemudian baru ---

SAO : Boleh tak [tidak] atuk ceritakan proses pelantikan ketua kampung kat [di] sini? Ketua kampung. Macam mana dia orang [mereka] pilih ketua kampung tu [itu].

HA : (Reaksi muka tidak mendengar dan memahami soalan)

NSS : Macam mana nak [hendak] jadi [menjadi] ketua kampung kat [di] sini. Orang pilih ke, mesyuarat ke?

IMR 604: DOKUMENTASI SEJARAH LISAN

HA : Memang nak [hendak] jadi [menjadi] ketua kampung dia memang ada mesyuarat. Dulu, masa dulu. Atuk pernah juga nak [hendak] jadi [menjadi] ketua kampung. Dia orang [mereka]. Cuma atuk ni [ini] kalah suara. Tak [tidak] dapat. Dapat Haji Embung. Haji Embung, Haji Amad, Haji Man. Dia yang lama jadi ketua kampung. Jadi apabila dia meninggal saja ganti dengan orang lain. Sekejap saja. Kemudian Haji Ram, Haji Ram yang ganti. Sekarang dah [sudah] Mamat tu pula. Dah berapa ketua kampung lah.

SAO : Setakat ni [ini] dah [sudah] ramai ketua kampung yang ada?

HA : Yang ada ni [ini] ada. Baru lagi, baru lantik. Mat nama dia.

SAO : Dia macam yang lama meninggal baru lantik ke tunggu dia berhenti?

HA : Ketua kampung ni [ini] apabila mati, baru lantik. Masa saya kelmarin [dahulu] mula – mula *start* nak [hendak] jadi [menjadi] ketua kampung masa saya, kena pilih. Lepas ni [ini] tak [tidak] ada pilih lagi, apabila mati, kerajaan sana lantik. Daripada --- lantik.

NSS : Bukan kita lah, kerajaan?

HA : Pasal dulu tak [tidak] ada bergaji. Sekarang dah [sudah] bergaji kan. Jadi DO lah yang punya pasal. Sekarang dah [sudah] ada gaji. Daripada Haji Ram, dulu daripada itu tak [tidak] ada gaji.

SAO : Kampung – kampung sekitar kampung Tebing Tinggi ni [ini] ada banyak tak? (Ulang soalan) Sekitar kampung Tebing Tinggi ni [ini] berapa banyak kampung lagi yang ada?

HA : (Reaksi muka tidak mendengar dan memahami soalan)

NSS : Kampung yang dekat – dekat sini. Kampung yang paling dekat lah dengan Tebing Tinggi ni.

HA : Tebing Tinggi? Bukit Tunggal lah.

NSS : Bukit Tunggal tu [itu] je [saja] lah dekat? Dah [sudah] tak [tidak] ada dah [sudah]?

HA : Dah [sudah] tak [tidak] ada. Bukit Tunggal, Felcra tu [itu]. Kampung – kampung kecil macam Belunyau, Jawi, dah [sudah] tak [tdak] ada orang lagi. Orang dah [sudah], tak [tidak] ada orang.

SAO : Kawasan tu [itu] dah [sudah] ambil, jadi ---

HA : Orang semua dah [sudah] pindah sini. Orang nakkan tepi jalan.

NSS : Kalau tak [tidak] dulunya Kampung Jawi tu [itu], itu lah yang dekat dengan sini? Paling dekat?

HA : Paling dekat sini, Jawi dengan Belunyau. Belunyau, saya kampung Belunyau, ni [ini] tengah ni [ini] Jawi, satu (1) kilometer, satu (1) kilometer.

NSS : Sekarang dah [sudah] tak [tidak] ada lah kampung?

HA : Dah [sudah] tak [tidak] ada lagi. Belunyau dengan Jawi tak [tidak] ada orang lagi.

SAO : Kawasan dia pun dah [sudah] tak [tidak] ada lah?

HA : Tak [tidak] ada orang lagi. Cuma sini, Tebing Tinggi saja. -- Tebing Tinggi dah [sudah] tak [tidak] ada, kira besar je [saja] lah. Mana, tak [tidak] ada nama – nama kampung lagi.

NSS : Dah [sudah] tak [tidak] ada dah [sudah].

HA : Orang panggil Tanah Banjir, kalau jawa kan orang panggil Tanah Banjir, ---

NSS : Kampung Tanah Banjir? Itu dia termasuk dalam kampung ni [ini] juga ke dia lain? ---

SAO : Masa zaman dulu, apa pekerjaan utama kampung, penduduk kampung ni [ini]? Dia orang [mereka] bercucuk tanam je [sahaja] lah? Tak [tidak] ada bekerja dengan, macam kerajaan ke?

HA : Ada. Kerja kerajaan ada, tapi sikit lah. Boleh bilang orang.

SAO : Tak [tidak] banyak lah.

HA : Yang lain tu [itu] dia orang [mereka] bekerja sendiri lah. Kerja sendiri ni [ini] macam – macam. Potong getah, ke apa lah.

NSS : Kalau kerja dengan kerajaan masa tu [itu] kerja apa je [saja] atuk?

HA : Dulu biasanya kalau dulu --- kerja -- guru. Ada Man Deris tu [itu] dia kerja polis dia seorang, dah [sudah] mati. Dia kerja tak[tidak] berapa lama dia mati kena tembak komunis. -- Benda, tak [tidak] ada lah. Tak [tidak] ada kerja lain. Guru je [saja].

SAO : Tadi atuk cakap laluan utama kat [di] kampung ni [ini] guna sungai kan. So (jadi) macam daripada masa zaman dulu berapa lama perjalanan daripada kampung ni [ini] nak [hendak] ke Bandar Segamat tu]itu] lalu sungai tu [itu]?

HA : Pergi ke sungai?

NSS : Kalau lalu sungai.

SAO : Nak [hendak] pergi Bandar Segamat ke, kawasan – kawasan terdekat lah.

HA : Dulu kalau tak [tidak] ikut, tak [tidak] ada jalan raya ni [ini] ada orang dari sini naik perahu, seberang sana ada -- jalan merah. Jalan merah tu [itu]. Yang mana, keluar ke

Batu Badak. Ke Sungai Segamat tu [itu], antara Batu Badak dan Tebing Tinggi tu [itu] ada jambatan.

NSS : Jauh perjalanan?

HA : Jauh. Ada lebih kurang, dari kampung ni [ini] ke Batu Badak, Batu Badak ni [ini] simpang, satu (1) kilo, satu (1) kilometer setengah, dekat dua (2) kilometer jauhnya. Kalau jalan kaki, jalan kaki lah. Tapi sebelum itu, sebelum ada jambatan tu [itu] dia orang [mereka] pernah pergi Segamat, menyeberang dari Segamat ikut Segamat, ikut sungai Segamat tu [itu] sampai naik jambatan keretapi, jambatan keretapi Segamat tu [itu], baru menyeberang. Ataupun jambatan kereta tu [itu], baru menyeberang. Sebelum itu ---

N : ---

HA : --- Jalan, sekarang dah [sudah] ada jalan batu. Jalan kaki awak tu [itu] kelmarin [dahulu] ni [ini] dah [sudah] ada jalan batu. ---

SAO : Kita dah [sudah] habis tiga puluh (30) soalan. Kita berhenti sekejap, nanti kejap lagi akan sambung lagi.

NSS : Dia punya sesi dah [sudah] habis, nanti kita rehat dulu. Rehat lima (5) minit nanti sambung lagi.

Tamat Rakaman Dua (2)

6.3 RAKAMAN TIGA (3)

NSJ : **Kita sambung lagi perbualan ni [ini]. Apakah kelebihan kampung tebing tinggi dengan berbanding ngan [dengan] kampung lain?**

HA : Apa, dia punya apa?

NSJ : **Kelebihan.**

NSS : **Kelebihan Kampung Tebing Tinggi nak [hendak] dibandingkan dengan Kampung Jawa, kampung tadi tu yang atuk sebut tu [itu].**

NSJ : **Kampung**

HA : Kampung tengah

NSS : **Kampung ni [ini] lagi macam mana.**

HA : **Tak [tidak] tahu hendak mengatakan kelebihan, tak [tidak] ada benda [ketawa]. Kalau nak [hendak] ikut [mengikut] pembangunan, pembangunan, Bukit Tunggal lebih lebih apa orang kata lebih membangun daripada Tebing Tinggi ni [ini].**

(Nenek Mencelah:Rumah rapat-rapat)

HA :Rumah yang lama mana ada orang duduk. (nenek mencelah) Ini jam [waktu] mana ada. (nenek mencelah: dia dah balik ke sana) Indonesia.

NSJ :**Aaaa apa kepentingan kampung ini pada zaman dulu bagi kat [untuk] pemerintah Johor?**

NSS : Kampung ni [ini] dulu dia penting tak [tidak], macam kan kampung ni [ini] hasil dia ke, kerajaan nak [hendak] ke? Apa kepentingan kampung ni dulu [dahulu] dekat [kepada] kerajaan?

HA :Kepentingan lain tak [tidak] ada benda la, macam mana kepentingannya _ hasil, hasil. Hasil kerajaan banyak, selain daripada Felcra, ni [ini] ape [apa] benda orang-orang kampung pun gitu [begitu] juga. Ada banyaklah juga tukar [menukar] tanah kelapa sawit, getah. Getah pun kalau ada getah baru tanah baru. Haa Itulah kepentingan dia kerajaan dekat sini itulah dia hasil dia. Maknanya kerajaan nak [hendak] kan hasil kan.

NSS :**Yang Felcra tu [itu] baru buka eah?**

HA :Huhh?

NSS :**Felcra. Baru bukak ke dia dah[sudah] lama?**

HA :Dah [sudah] lama

NSS :**Sekali dengan kampung ni[ini] lah ke?**

HA :Tak[tidak].

NSS :**Haa macam mana macam mana dia bukak [buka]?**

HA :Kampung ni [ini] dulu. Dia baru.Dia baru - - -

(Bunyi lori kelapa sawit sedang lalu dihadapan rumah) (nenek mencelah).

NSS :**Macam mana, macam mana tu [itu] felcra bukak [buka]?**

HA :Huhh?

NSS :**Macam mana felcra tu orang bukak [buka] felcra?**

HA :Tahun enam puluh tiga (63) tak [tidak] salah, enam puluh tiga (63) enam puluh empat (64) gitu [begitu] lah. Bukak [buka] felcran [felcra] .Orang noreh apa mana mana dia orang datang masuk keluar masuk orang. Yelah [ialah] orang felcra pergi masuk ke dalam ni [ini]. masok enam puluh tiga (63), enam puluh tiga (63), enam puluh tiga (63), enam puluh empat(64) gitulah [begitulah].

NSJ :**Ada tak [tidak] tokoh yang terkenal berasal daripada kampung ini?**

NSS :Orang-orang yang terkenal (penemubual mencelah:penting) daripada kampung ini? Selain daripada atuk atuk kan ini kan, selain dia siapa je orang orang yang lahir kat yang asalnya sini yang terkenal?.

HA :Yang terkenal.orang tebing tinggi nu [itu].- - Doktor tak [tidak] ada. Doktor - -

NSS :Orang dulu-dulu ?

HA :Huh?

NSS :Orang dulu-dulu?

HA :Dulu tak [tidak] ada. Dulu naiblah. Anu penghulu. naib penghulu je[sahaja] lah. Tapi kalau kalau ni [ini] jam ini jam [masa] kalau terkenal tu [itu] tak [tidak] tahu lah. Tapi orang kate [kata], kalau orang masok [masuk] u [universiti] banyak budak budak anak sedara [saudara] , yang kawin [kahwin] doktor ada dua (2), tiga (3) orang dua (2) orang.

NSS :Yang naib penghulu sini apa naib tu [itu] yang tok kata yang dulu [dahulu] hurmm siapa nama dia tadi. (nenek mencelah) yang naib penghulu.

HA :Naib penghulu. Penghulu Seman.

NSS :Yang terkenal?

HA : Yang terkenal penghulu seman.

NSS : **Dia buat apa je [sahaja] sampai dia terkenal?orang apa sumbangan dia?**

HA : Haa penghulu seman dia terkenal dia jadi [menjadi] naib ketua tebing tinggi ni [ini], naib penghulu,dia kenal lah kalau orang orang apa-apa hal berjumpa dengan dia lah,ketua kampong ketua kampong anu. naib penghulu. Dulu tebing tinggi ni [ini] ada naib penghulu. (penemubual mencelah) penghulu Seman namanya. Jadi ketua kampung tak [tidak] benda ada kerja. Duduk diam aja [sahaja]. Orang jumpa, jumpa dengan dia.

NSJ : **Apa fungsi ketua kampung pada zaman sekaranglah?fungsi ketua kampong. Kerja ketua kampong?**

NSS : **Kerja ketua kampong sekarang dengan kerja ketua kampong dulu lain lah.**

HA : Sekarang,sekarang diorang [mereka] makan gaji memang teruklah, pendeknya saya pun tak [tidak] tahu lah anu Haji Ram - - - haji ram yang makan gaji - - - haji ram, dia terpaksa nak [hendak] memajukan anu kampong ni [ini] jadi diorang [mereka] tengoklah macam umpamanya tadilah umpama tadi macam jalan dalam kampong tu [itu] tak [tida] tak [tidak] bertebas, kita amik tahu lah.tebas.panggil orang gotong royong.tebas. kebanyakkan dia anu buat gotong royonglah.bersih bersih itu ini. Semua buat gotong royong.Itu ketua kampong lah punya kerja.

NSS : **Kalau ketua kampong dulu [dahulu] dia buat apa?**

HA :Atuk pun tak [tidak] tahu jugalah,pasal kalau ikot [ikut] sejarah daripada yang anu dia kebanyakkan itulah dia orang daripada seberang datang ke mari, orang daripada Minang, orang daripada Daik. Orang daripada sumatera anu sumatera. Dia buat kerja datang sini itulah naik ke atas takda [tidak] orang atas sana tebing tinggi ni [ini]. Siapa yang mula bukak [buka], - - - tok gaah(merujuk kepada isterinya: pakcik awak sana atuk kasim atuk kasim ohh daripada pulau) - - orang daripada anu daik lah anu anu tok gaah.mungkin orang daripada pulau datang ke mari. Pualau dayang lanjut. Pulau dayang lanjut. Biasanya orang daripada dayang lanjut dia datang ke sini. Bukak kebun sini pulak. Dulu orang itu yang cerita saya dulu, dulu diorang apa ni [ini] tak [tidak] ada takda [tidak] kebun ni [ini] takdalah takda [tiada] minat kebun cume [dia] dia bawak buat padi ada paya atau pun huma. Tebang buat huma. huma atas tanah daratlah. Paya huma itulah dia. Orang, orang atas darat ni [ini] huma, cume [cuma] dia dua (2) tiga (3) tahun anu baja dah [sudah] tak [tidak] ada, dia pindah tebang tempat lain. Orang paya ni [ini] tidak.orang paya anu ni [ini] apa ni [ini] dia buat padi lah baja tak [tidak] baja kita tak tahulah. Haaa buat padi. Nak tahu, macam macam macam awak. Tok Kasim dulu, dia daripada pulau, pulau dayang lanjut sana pulau, pakcik awak kan dari pada pulau sana (ketawa) jadi,dia datang kemari dia tebang buat kabun buat kebun.

NSS :**Orang Daik tu [itu] yang datang.**

HA :Huh?

NSS :**Orang daik yang datang tu [itu] dia datang memang dia nak [hendak] cari [mencari] tempat baru la eh ke datang sebab dekat sana ada perang ke ada apa ke lepastu dia datang?**

HA :Tak [tidak] dekat sana takda [tiada] perang.

HA :Pantang larang apa pantang larang saya pun tak tahu lah apa nak

NSS :**Kalau orang luar datang ke?ada benda yang kita takleh [tidak] boleh buat ke?**

HA :Tak [tidak] ada lah .Sekarang yang macam pawang-pawang, pun dah [suda] tak[tidak] ada lagi dah [sudah].

NSS :**Kalau dulu [dahulu] kalau orang luar datang kea da patang larang?**

HA :Dulu ada pantang larang umpamanya tadi, macam dulu saya pernah juga anu macam mane [mana], diorang ada katalah rumah ni [ini] ada orang sakit, dia di pagarnya di taruk [letak] letak daun kelapa itu menandakan orang ni rumah ni [ini] tak[tidak] boleh naik.

NSS :**Kalau kalau naik nanti orang tu [itu] berubat eh tuk eh. Orang dalam rumah tu [itu] berubat kalau orang tu [itu] mati**

HA :Kalau dia naik maknanya dah [sudah] melanggar pantang.

NSS :**Haa langgar pantang**

HA :Haa macam tu [itu] lah

NSS :Tu [itu] je[saja]? Ada lagi? Ada yang lain? pantang larang?

HA :Ada. Saya pun tak [tidak] tahu lah. Saya anu tak [tidak] berapa _____. Pantang larang. Banyak pantang larang, dulu diorang [mereka] guna pawang memang ada banyak pantang larang. Sekarang dah [sudah] tak [tidak] ada lagi, orang main gempur je[sahaja] (ketawa) takda [tiada] patang larang.

NSJ :Masa mula mula pembentukan segamat ni [ini] kampung ni [ini] memang ada lah kan pakcik?

HA :Memang ada.

NSJ :Memang ada

HA :Memang ada. saya ingat kampung ini ada dulu daripada Segamat, tapi [tetapi] tak [tidak] tahu lah cik macam mana.

NSJ :Hurmm macam keadaan keselamatan dekat kampung ni [ini] haa? keadaan keselamatan dekat kampung ni pada zaman penjajah? macam mana?

HA :Keselamatan.

NSJ :Haa keselamatan.

HA :Keselamatan. Diorang [mereka] dulu apanya Ada home guard. Erti kata home guard maknanya rumah jage [jaga] , Home Rumah, guard jage [jaga] HM hurmm HG hurmm jagalah home guard..

NSJ :**Polis masa tu [itu]?**

HA : Jagalah

NSS :**Dia lah jaga round [pusing] dia pusing pergi rumah.**

HA :Ni jam [waktu] macam relalah. Rela persi sana ke mari. Saya dulu jadi homeguardlah, jaga-jaga anu kita tukar lah maknanya macam kite [kita] katalah harini satu dua puluh empat (24) saya jaga, esok orang lain haa dia jaga gitulah [begitu] jaga keselamatan tak [tidak] kiralah daripada komunis ke orang curi ke apa ke.

NSS :**Masa tu [itu] kes paling besar sekali apa tuk. masa[semasa] atuk jadi [menjadi] homeguard? Yang atuk paling ingatlah sampai sekarang**

HA :Homeguard dia punya ketua dia orang lain bukan ketua kampung, ada orang lain jadi ketua.jadi ketua dia tak [tiada] ada kerja lah. Haa dia perintah macam orang ni [ini] orang ni [ini] jaga besok orang lain jaga (bunyi telefon) haa mcam tuu laa [begitulah]. Sini punya ketua Haji Hui NSSin.

NSJ :**Guard ni [ini] macam polis lah yang jaga**

HA :Dia macam polis lah polis kampong.(ketawa) polis kampong.

NSJ : **Peristiwa yang menggemparkan kat kampung ni [ini]? Peristiwa?**

HA :Peristiwa

NSJ :**Peristiwa paling gempar dekat kampung ni [ini] yang orang ingat sampai sekarang.**

HA :Apa ada peristiwa taka da [tidak] dah[sudah] rasa saya.takda perang komunis pun semua penjara takda apa ni [ini]. perang komunis, tak[tidak] adalah.

NSS :**Kalau orang sebut kampung tebing tinggi tu [itu] tak[tidak] ada lah cerita yang macam haa ni sebab nilah [inilah] kampung tebing tinggi, tak da [tiada]?**

HA :Tak [tidak] ada

NSJ :**Tempat penting kat [di] kampung ni [ini] kirannya sebagai tempat peninggalan sejarahlah contohnya macam rumah pasong ke?**

HA :Rumah pasung itulah yang kata rumah pasung tebing tinggi. Nampak dari kuala segamat, anda terlangsung kemari saya mintak [minta] mohon biar selamat. Tu [itu] lah dia, dia memang ada dia punya pantunnya masa tu[itu], Nak kirakan bukannya nampak daripada kuala segamat. Banyak liku-liku,tak tahu lah kalau dia bersih terang-terang mungkin

IMR 604: DOKUMENTASI SEJARAH LISAN

nampak. Nampak tebing tinggi. Kalau ni [ini] jam hutan-hutan daripada kuala segamat mana ada (ketawa)

NSJ :Pada zaman dahulu fungsi rumah pasong tu [itu] untuk ape [apa] je [saja]?

HA :Ye [ia]?

NSJ :Fungsi.

NSS :Rumah Pasong tu(itu) apa je[sahaja] kerja orang buat kat[dekat] situ.
Apa rumah pasong tu [itu] untuk apa?

HA :Rumah Pasong rumah pasung dia menjaga orang daripada hulu sana datang nak [hendak] pergi ke anu ke hilir, anu dia jagalah lalu lintas

NSS :Rumah pasong tu [itu] rumah polis ke?

HA :Rumah polislah.

NSS :Rumah polis.

HA :Tahun enam belas (16), anu sebelum tahun enam belas (16) itu ada lah rumah pasungtu [itu], lepas tahun enam belas (16) orang pindah ke jementah sana.

NSJ :Siapa je [sahaja] yang guna rumah pasong tu [itu]?

HA :Huhh?

NSJ :Siapa je [sahaja] yang guna rumah pasong?

HA :Saya, saya tak [tidak] tahu lah benda itu bukan anu umur saya. Sya ingat lagi apa ni [ini] saya tak [tidak] tahu. Tebing Tinggi ni [ini] ada anu pegawai sub inspector dulu orang panggil dulu sub- - siapa tuu [itu] Encik Hamid. Lepastu anu siapa tu [itu] - - Tuan Jamal ada jugak [juga] tahun enam belas (16) dia pindah.

NSS :Rumah pasong tu [itu] tuk dia buat pejabat ke, dia ada polis duduk dekat rumah tu [itu]?

HA :Ada polis duduk situlah,saya tak [tidak] tahu bape [berapa] orang berapa orang saya tak [tidak] tahu. Tapi polis rumah pasung jadi dia macam anu apa ni [ini] balai polis yang ada ni [ini] lah.

NSS :Besar?

HA :Jadi dia menjaga lalu lalang daripada sama ada daripada mudik nak [hendak] ke hilir ke. Jadi kat situlah. Dia periksa barang-barang apa benda yang ada dia bawak. Ada barang sala ke tak [tidak] haaa.

NSS :**Dia periksa dekat situlah.**

HA :Dia periksalah.

NSJ :**Pernah nampak [melihat] rumah pasong tu [itu]?**

HA :Huh?

NSJ :**Atuk pernah tengok rumah pasong tu[itu]?**

HA :Rumah tak [tidak] pernah

NSJ :**Tak [tidak] pernah tengok**

HA :Dia tahun enam belas (16) habis. Tahun enam belas dah [sudah] pindah.haa tinggal dia punya nama aja [saja]. Tahun enam belas (16) kebawah tahun sepuluh (10) sebelas (11) sebelum tu [itu] adalah. Masa itu tahun enam belas (116) dia dah [sudah] pindah ke apa anu takda [tiada] lagilah rumah pasong. Saya pun tak tnegok. Tinggal tapaknya ada. Apa ni [ini] dia punya tempat, tempat yang dia buat rumah pasong tu [itu] ada.

NSJ :**Dia ada cerita kenapa dia dah [sudah] roboh ke sebab dia dah [sudah] pindah ke jementah tu [itu] je [saja] lah?**

HA :Eh tak.

NSS :Ke sebab apa?

HA :Dulu dia macam ni [ini] pasal anu pasal jementah dah [sudah] ada jalan raya daripada Muar ke Segamat jadi buat apa sungai, orang dah [sudah] tak [tidak] banyak [ramai] ikot [melalui] sungai lagi. Orang dah tak[tidak] ramai ikut sungai lagi. Cume [Cuma] orang tempatan - - - menangkap ikan aje[sahaja], orang mudik bawa dagangan tak[tidak] ada.

NSS : Lalu jalan darat?

HA :Huh?

NSS :Orang yang bawak [bawa] tu [itu] semua dah[sudah] lalu jalan darat haa tu [itu] dah [sudah] ?

HA : Haa semua dah[sudah] ikut darat takda [tiada], kalau tidak dulu orang daripada - - apa ni orang daripada tenang orang daripada apa ikut sungai Segamat, keluar lalu kuala segamat terus lalu haa tebing tinggi yang anu yang ia tebing tinggi. orang daripada buluh kasap, buluh kasap apa ni [ini] aaa tuu [itu].dulu[dahulu] lah sebelum ada jalan,orang daripada buluh kasap apa ni [ini] lalu.

NSS :Lalu jalan

IMR 604: DOKUMENTASI SEJARAH LISAN

HA :Lalu jalan sungai ni [ini]. jadi sini kena periksalah, macam anu dia tengok ada barang salah.

NSS :**Kalau ada barang salah dulu dia buat apa?**

HA :Huhh?

NSS :**Kalau bawak [bawa] barang salah dia buat apa**

HA : Haa itu saya tak[tidak] tahu (ketawa)

NSJ :**Atuk pernah dengar cerita pelik-pelik ke pasal rumah Pasong?**

HA :Pelik pelik. Dengar tak [tidak] ada. Saya tak [tidak] dapat tahu. Pasal apa. Saya tak [tidak] ada rapat dengan orang yang orang yang ada di rumah pasong tu [itu]. Orang tu [itu] masih ada masa orang yang jaga rumah pasong tu [itu] ada lagi, anu bukan sekarang, masa saya dulu, dia ada, dia yang menceritakan. Jadi dia masa lepas [selepas] je [saja] tu[itu] dia terus saja pergi ke askar tunku.haaa.- - - lepas tu [itu] dia jadi pegawai waren.

NSJ :**Dia ada lagi sekarang? Masih hidup? Ketua rumah pasong tu [itu] hidup lagi?**

HA :Eh tak [tidak].Cuma anu bukan dia ketua.(penemubual mencelah) Dia ada ketua sini.sub. dulu pegawai. Ada anu dulu ada inspector, dulu orang pnggil sub

IMR 604: DOKUMENTASI SEJARAH LISAN

NSJ :Siapa yang mencadang kan untuk rumah pasong tu [itu]?
Mencadangkan adanya rumah pasong?

HA :Mencadangkan apa tu [itu]?

NSJ :Ada adanya rumah pasong tu [itu]? Daripada kerajaan ke?

HA :Itu anu yang orang yang mencadangkan ni [ini] Saya tak[tidak] tahu lah. Kalau suruh pindah, memang kerajaan suruh pindahlah. orang takda [tiada] kot [mungkin]. Kekadang itu sebelum tu [itu] dulu-dulu mana tak[tidak] ada. Apa ni [ini]. - - macam kalau kita katakanlah tadi macam kita balik semula macam, kata atuk Haji ahmad, Panglima Senchu,tu [itu] tahun lapan belas (18) anu,yang menceritakan pasal rumah pasong ni [ini] tahun dah [sudah] sepuluh (10), makna dalam dua puluh lima (25) tahun tu [itu] dia bertukar daripada. Polis sungai, dia pergi ke darat atas , maknanya orang sungai macam polis sungai kan, pak cik jamal dah [sudah] pergi tentera. Sungai dah [sudah] tak [tidak] guna lagi. Jadi orang dulu pendeknya, lepas pada itu, orang apa ni [ini] perdagangan umpamanya tadi misalan kata apa ni [ini] bawak [bawa] bawak [bawa] barang tak [tidak] ada lagi ikut sungai.semua ikut darat.

NSS :Atuk tak[tidak] tahu lah siapa mula zaman pemeritahan siapa adanya rumah pasong?

HA :Haaa itu Sultan Abu bakar lah

NSS :Ohh sultan abu bakar lah

HA : Sultan abu bakar.

NSJ : Berkenaan dengan batu nisan yang dekat sini sebagai bukti adanya kampung tebing tinggi, siapa antara yang terkenal yang ada kat[dekat] kampung ni [ini].

HA : Masa bila masa tu [itu]?

NSS : Kan dengar ceritanya ada tokoh tokoh Morocco yang ditanam dikebumikan dekat [di] sini. Macam apa tu [itu] yang terkenal dulu. Ada cerita katanya, ada tokoh siapa namanya hurmm dari morocco Sheikh apa dia datang dia punye [punya] kubur ada dekat belakang rumah tok imam?kubur si sheikh. Yang dekat belakang rumah tuk imam. Ada satu kubur kan.

HA : Haa ada kubur

NSS : **Haa kubur lama tu [itu] kan. Itu kubur siapa tu [itu] tuk?**

HA : Saya kubur situ saya memang tak [tidak] tahu siapa kuburnya. Kubur situ. Dia ada selain daripada kemarin ada sorang orang arab datang daripada mana Muar datang kemari. Ada kubur dia dekat sini. Saya pun tak [tidak] tahu lah mane [mana] satu kuburnya.

NSS : **Selain dia ada lagi tak? Selain dia, yang daripada muar apa arab tu [itu] ada lagi tak [tidak] orang lain yang terkenal jugak [juga] dikebumikan dekat sini?**

HA :Itupun saya tokoh macam tu [itu] memang saya tak [tidak] tahu.tapi diorang [mereka] kata tu [itu] lah dia. Orang arab ntah [tidak] apa pasal dia datang sini tak tahu [tidak]. Imam takda [tidak] cerita. - -

NSS :**Ada tu [itu] masa mula datang haritu. Lepastu [kemudian] dia tunjuk rumah ni [ini] rumah ni [ini]. Tok imam tahuolah ceritanya.**

HA :Huhh?

NSS :**Kalau pasal kubur kubur yang orang datang tu [itu] tok imam jela [sahaja] yang tau [tahu]**

HA :Haa imamlah yang tahu. Imam tu [itu] besan saya. Tak tahu dia Inderagiri. Inderagiri.

NSS :**Keturunan dia lah. Tu [itu] dari mana pulak [pula] Orang Inderagiri datang daripada mana? Seberang jugak [juga]?**

HA :Dia datang daripada seberanglah nuu [sana]. Bapak [bapa] dia imam Hassan imam Hassan inderagiri. - - - orang inderagiri. - - -

NSJ :**Bekenaan dengan sungai pulak [pula]. Aaa sungai. Fungsi sungai?**

NSS :Atuk kata sungai tu [itu] zaman perdagangan barang kan lalu situ kan. Kira orang bawak barang nak [hendak] meniaga. Orang nak [hendak] bergerak pergi mana manalah ikut sungai kan.tu [itu] jelah [saja] kegunaan sungai tu [itu]?Kalau sakit ke apa ke.naik perahu g (pergi) hospital ke macam mana dulu?

HA :Sakit.

NSS :Haa kalau sakit ke?

HA : Haa dulu diorang [mereka] guna pawanglah, mana ada hospital

NSS :Kira tak [tidak] payah [perlu] keluar,dalam kampung ni[ini] jugaklah [juga]. Maknanya tu [itu] untuk orang lalu nak [hendak] pergi satu tempat ke satu tempat. Semua orang ada perahu ke memang ada perahu khas yang kat [dekat] situ?

HA : Perahu lah, tapi tak[tidak] tahu lah. Cam [seperti] nilah [ini], misalan katalah orang daripada buluh Kasap nak [hendak] pergi ke muar ataupun ke Bukit Kepong, dia perahu dia lah.

NSS :Dia sendiri lah. Kalau orang yang tak [tidak] ada perahu macam mana atuk?

HA :Tu [itu] tak[tidak] tahu lah, menumpang je[sahaja] lah. (penemubual mencelah: menumpanglah) Kalau kita mustahak, kita buat lah perahu sama ada beli atau pun buat sendiri. Kalau tidak numpang [menumpang] je[sahaja] lah, lain apa ada.(ketawa).

NSJ : Perahu dulu ada orang jual ke kita memang kena buat sendirilah?

HA :Huhh?

NSJ :Perahu tu [itu] ada orang jual ke?

HA : Ada,

NSJ :Ohh ada orang jual lah.

HA : Orang anu buat daripada batang anu batang - - , batang apa yang keras tu [itu], apa nama anu saya pun dah [sudah] lupa.

NSJ : Kayu memang daripada sini atau pun daripada luar datang sini?

HA : Apatu [apa] [itu]

NSJ : Kayu kayu

HA :Kayu hutan,dulu hutan banyak, tebanglah buat sendiri.

NSJ :Ada benda pelik pelik jadik [jadi] dekat sungai tu [itu] ke?

HA :Huhh?

NSJ :**Benda yang peristiwa pelik dekat sungai tu [itu]?Orang mati ke?**

HA :Mati?

NSS :**Ada kemalangan ke?**

HA :Ada, ada berlaku.

NSS : **Apa je [sahaja] peristiwa tu?**

HA :(Ketawa) Anak Mahmudkan mati, zaman jepun kan mati.

NSS :**Mati kenapa?**

HA :Mati tak[tidak] tahu lah dia menyeberang sungai. Orang kata lah, dengar dengar cerita, kita orang dah mati susah nak [hendak] cerita. Kalau cerita cerita takut berdosa (ketawa). - - Ada orang bunuhlah, bunuh senanglah.orang ingatkan sungai yang bunuh padahal sungai tak [tidak] bunuh, orang yang bunuh. Dulu pemeriksaan kurang, mase [waktu] Jepun mana ada anu ingat orang mana ada macam orang mati kene [kena] cekik kena apa ke dapat tahu kan. Dulu masa Jepun apa benda ada. Ingat mati mati anu gitulah [begitu]. Tapi uang sebenarnya orang bunuh dia.

NSS :Orang kata sungai yang bunuh

HA : Aah, orang kata sungai yang bunuh, pergi amik [ambil] kat[dekat] pemanis sana dia punya mayat dia, dari Tebing Tinggi ni [ini] dia hanyut. Berapa banyak tanjung pergi ke bawah.

NSJ :Sekarang ni [ini], orang ada lagi pergi ke sungai tu [itu]? Waktu sekarang ni [ini] ada tak [tidak] orang yang mati dekat sungai tu [itu] ke?

HA :Sungai takdalah. [tiada]. ni [ini] jam kalau ada pun oang sungai, orang pergi mencari ikan jela[sahaja], tapi orang dah [sudah] tak [tidak] ke sungai dulu orang pergi ke sungai pasal air takda [tiada], ni jam [waktu] ni [ini] dekat rumah je [sahaja], pancur dekat rumah buat apa nyusahkan [susahkan] badan pergi sana.

NSS :Jadi sekarang orang tak [tidak] pakai (guna) sangatlah sungai tu.

HA :Tak [tidak] ada tak [tidak] guna. orang cuma pergi sungai mencari ikan, mencari ikan,tu [itu] je [sahaja]. Orang tak [tidak] guna sungai, mandi orang tak mandi sungai bukan suka main sungai.

NSS : Lagipun sungai dulu bersihkan

HA :Huh?

NSS :Sungai dulu kan bersih kan, ke sama je[sahaja] sungai, bersih warna dia.

HA :Sekarang macam mana pulak [pula] kotor?

NSS :Kuning je [sahaja] saya tengok(ketawa)

NSJ :Dekat kampung ni [ini] selalu berlaku banjir tak [tidak]?

HA :Haa?

NSJ :Dekat kampung ni [ini] selalu berlaku banjir?

HA :Banjir.

NSJ :Haa bah.

HA :Biasanya kalau hujung tahun lah, hujung tahun dalam bulan sebelas (11), bulan sepuluh (10), tu [itu] dia mula lah banjir hujan hujan ---, dia banjir lah. Bulan satu (1) habislah.Ni [ini] belom [belum] masanya lagi, ni [ini] bulan barapa? bulan enam (6). Bulan sembilan (9) dah [sudah] start (mula) hujan. haa tu [itu] tengok [lihat] lah, kalau lebat besarlah banjirnya. Ni [ini] rumah ni [ini] tak [tidak] kene [kena] cuma bawah je[sahaja].

NSS : Kalau dulu [dahulu] banjir?

HA : Kalau dulu [dahulu] rumah saya bawah sana memang, saya tengah tidur, tengok air bawah paya, rumah saya tepi paya. Rumah lama, sekali malam saya tengok anu dah sampai dapur. Terpaksa saya panggil nu anak saya Haron dengan liza datang ke sana tolong angkut bawah barang-barang bawah bawak [bawa] naik ke atas.

NSS : Kalau banjir macam tu [itu], nanti dipindahkan pergi mana ke? Kan air naik rumahkan, kiranya nanti atuk pindah pergi mana untuk sementara banjir tu [itu] masa banjir.

HA : Banjir?

NSS : Haa kalau masa banjir, rumah naik air kan, so nanti orangnya tunggu kat [di] mana. Sementara nak tunggu banjir surut?

HA : Haa takda, saya duduk rumah tu[itu] juga. Rumah dulu [dahulu] dia banyak bertingkat, saya dulu[dahulu] diorang [mereka] pakai pelantar, pakai pelantar. saya roboh kan pelantar, saya buat rumah, jadi bertangga-tanggalah, saya simen bawah, kemudian buat tangga naik ke atas. Jadi apabila tenggelam bawah tu [itu], naik ke atas lah. Atas ada tinggi. saya pendeknya, dalam tahun tujuh puluh tujuh (77), tujuh puluh (70), masa tun razak yang paling besar, tinggal rumah berdua. Apa ni [ini] lantai papan tu [itu] lagi seibu jari nak sampai.seibu jari. Kalau naik dua (2) jarilah, tenggelam rumah tu[itu]. Haa dua (2) jari. Itulah habis besar.

NSS : Kalau sekarang kan banjir pindah pergi sekolahkan. Kalau rumah sekarang. Duduk kat rumah tu [itu] je [sahaja] lah, tak [tidak] pergi mana-mana.

Takda [tiada] orang tolong. Dulu banjir, dia dah [sudah] berapa lama kadang-kadang, paling lama. seminggu sampai ke?

HA : Eh, lebih seminggu.

NSS : Kalau makan semua memang dah ada simpanlah, barang masak semua.?

HA : Barang-barang tu[itu] ada lah, kita ada. memang kita dah [sudah] tahu benda banjir tu[itu], kita dah[sudah] sediakan barang-barang.

NSS : Persediaanlah.

HA : Apa kalau kerajaan bantu lagi baik, sekarang kerajaan bantu, masa tu [dulu] tak [tidak] ada. Anuu masa penajah kemarin[dahulu] mana lah ada.orang putih anuu.

NSJ : Dulu, kan sungai jadi [menjadi] tempat pelabuhan kan pakcik, dulu sungai jadi tempat perlabuhan kan? ada tak [tidak] kekacauan ke daripada pendatang asing yang datang? Buat kacau?

HA : Buat kacau?

NSJ : Haa buat kacau. Kes-kes samseng ke? Samseng samseng ke? Gangster?

HA : Tak [tidak] ada.

NSS :**Drama melayu sekarang.**

HA : Setahu saya takda [tiada]

NSS : **Itu sahaja untuk sesi temu bual pada kali ini, terima kasih kepada atuk dan nenek sebab bagi kerjasama.**

TAMAT RAKAMAN TIGA (3)

7.0 LOG WAWANCARA

Berikut adalah log wawancara yang mana catatan masa sepanjang wawancara di jalankan.

MASA	SUBJEK	NAMA-NAMA PENTING
Rakaman Satu (1) 00.20	Nama penuh	- Haji Ahmad bin Haji Hamzah
00.42	Asal Usul	- Kampung Belunyau, Johor
02.41	Kisah Rumah Tangga	- Berkahwin umur 21 - Saudara jauh
03.46	Kehidupan Masa Muda	- Polis Tambahan - Berhenti Sekolah Kelas 4
09.17	Latar Belakang Keluarga	- Ibu Bapa Kerja Kampung
10.30	Asal Usul Segamat	- Nama Lama Rantau Panjang - Bnedahara Tepok Menukar Nama Kepada Segamat - Zaman Pemerintahan Sultan Abu Bakar - Perang Jementah
15.58	Asal Usul Kampung Tebing Tinggi	- Keluasan Sehingga Sungai Jementah - Tebing Yang Tinggi
17.08	Cara Hidup Penduduk Kampung Tebing Tinggi	- Meanam Padi - Memasang Belukar - Menoreh Getah
20.28	Tradisi Penduduk Kampung Tebing Tinggi	- Dahulu Menggunakan Pawang
25.05	Anugerah Yang Kampung Tebing Tinggi Peroleh	- Hebat Dalam Bermain Kompang
26.49	Harapan Untuk Generasi Muda	- Majukan Kampung Tebing Tinggi

IMR 604: DOKUMENTASI SEJARAH LISAN

27.18	Anak	<ul style="list-style-type: none"> - 8 Orang - 4 Lelaki, 4 Perempuan - 2 Orang Perempuan Meninggal - Pengurus Ladang - Kerja Loji Air - Pegawai Ladang
Tamat Rakaman Satu (1)		
30.26		
Rakaman Dua (2)		
00.12	Umur	<ul style="list-style-type: none"> - 85 - Tahun 1930
02.11	Sumber Pendapatan	<ul style="list-style-type: none"> - Menoreh getah - Tahun 1913
09.25	Latar belakang keluarga	<ul style="list-style-type: none"> - Bapa keturunan Minang - Ibu keturunan Bugis
13.30	Tempat bertugas sebagai polis	<ul style="list-style-type: none"> - Segamat - Chaah - Labis - Tasik Bera - Tanah Kampung - Gambir - Tahun 1953 berhenti sebagai polis
27.25	Pemilihan ketua kampung	<ul style="list-style-type: none"> - Haji Embung - Haji Amad - Haji Man - Haji Ram - Mamat
29.22	Kampung sekitar Kampung	<ul style="list-style-type: none"> - Bukit Tunggal

IMR 604: DOKUMENTASI SEJARAH LISAN

	Tebing Tinggi	- Felcra
Tamat Rakaman Dua (2) 34.06		
Rakaman Tiga (3)		
00.10	Kelebihan Kampung Tebing Tinggi	- Lebih Membangun
01.56	Kepentingan Kampung Kepada Pemerintah Johor	<ul style="list-style-type: none"> - Hasil kerjaan (FELCRA) - Hasil kampong - Getah - Kelapa sawit
03.32	Penubuhan Felcra	<ul style="list-style-type: none"> - Tahun 1963
03.51	Tokoh Terkenal Berasal Daripada Kampung	<ul style="list-style-type: none"> - Panglima Senchu - Penghulu Seman
05.03	Sumbangan Penghulu Seman	<ul style="list-style-type: none"> - Ketua Penghulu Jumpa - Ketua Kampung
05.40	Fungsi Ketua kampung	<ul style="list-style-type: none"> - Memajukan Kampong - Mengadakan Gotong Royong
07.09	Penduduk Terawal Kampung Tebing Tinggi	<ul style="list-style-type: none"> - Pendatang daripada seberang - Minang - Daik - Sumatera
09.54	Sebab Orang Daik Datang Kampung Tebing Tinggi	<ul style="list-style-type: none"> - Membiak - Meramaikan - Mengikut kawan
10.57	Budaya Gotong Royong Kampung Tebing Tinggi	<ul style="list-style-type: none"> - Masih Mengamalkan - Majlis Kahwin
11.11	Patang Larang Kepada Pendatang	<ul style="list-style-type: none"> - Penggunaan Pawang - Kalau Ada Daun Kelapa Terletak Di Luar, Dilarang Masuk)
12.38	Keadaan Kesalamatan	- Homeguard

IMR 604: DOKUMENTASI SEJARAH LISAN

	Kampung Tebing Tinggi	
15.06	Tempat Penting Tebing Tinggi	<ul style="list-style-type: none"> - Rumah Pasong
15.52	Fungsi Rumah Pasong	<ul style="list-style-type: none"> - Menjaga Lalulintas Sungai - Keselamatan Pelabuhan
18.30	Rumah Pasong Dirobohkan	<ul style="list-style-type: none"> - Penggunaan Sungai Bukan Keutamaan
21.26	Rumah Pasong	<ul style="list-style-type: none"> - Cadangan Kerajaan - Menjaga Keselamatan
22.56	Zaman Pemerintahan Tertubuhnya Rumah Pasong	<ul style="list-style-type: none"> - Sultan Abu Bakar
24.03	Kubur Lama	<ul style="list-style-type: none"> - Sheikh (orang arab) Daripada Muar
26.52	Kegunaan Sungai	<ul style="list-style-type: none"> - Pelabuhan - Jalan Utama - Perhentian Dari Satu Tempat Ke Satu Tempat
28.51	Peristiwa Pelik Berlaku Di Sungai	<ul style="list-style-type: none"> - Kematian
30.39	Kegunaan Sungai Sekarang	<ul style="list-style-type: none"> - Memancing
31.47	Peristiwa Banjir Kampung	<ul style="list-style-type: none"> - Kawasan paya - Akhir Bulan 10 & 11
Tamat Rakaman Tiga (3)		
36.24		

8.0 KRONOLOGI

NO	TARIKH / MASA	AKTIVITI	ORANG YANG TERLIBAT
1	5 April 2015, 4.00 petang	Perbincangan memilih tajuk dan tokoh - Tokoh Sejarah Kampung Tebing Tinggi	Encik Zul Azmi, Norsuliana, Nurul Syuhadah, Syaidatul Akma
2	16 April 2015, 10.00 pagi	Perjumpaan dengan wakil Kampung Tebing Tinggi	Encik Zul Azmi, Encik Razak, Norsuliana, Nurul Syuhadah, Syaidatul Akma
3	16 April 2015, 11.30 pagi	Perjumpaan dengan tokoh agama dan tokoh sejarah Kampung Tebing Tinggi	Encik Zul, Encik Razak, Imam Haji HanSSan, Tuan Haji Ahmad
4	19 April 2015, 10.00 pagi	Perbincangan dengan Encik Zul Azmi mengenai soalan temubual	Encik Zul Azmi, Norsuliana, Nurul Syuhadah, Syaidatul Akma
5	29 April 2015, 6.00 petang	Perbincangan membuat struktur soalan temubual	Norsuliana, Syaidatul Akma
6	30 April 2015, 10.00 pagi	Berjuma dengan Encik Zul Azmi untuk kelulusan soalan temubual	Encik Zul Azmi, Norsuliana, Syaidatul Akma
7	11 Jun 2015, 10.00 pagi	Perbincangan dengan anak Tuan Haji Ahmad untuk menetapkan tarikh temubual	Anak Tuan Haji Ahmad, Norsuliana, Nurul Syuhadah, Syaidatul Akma
8	12 Jun 2015, 3.00 petang	Sesi temubual bersama tokoh sejarah Kampung Tebing Tinggi, Tuan Haji Ahmad	Tuan Haji Ahmad, Norsuliana, Nurul Syuhadah, Syaidatul Akma

9.0 SENARAI SOALAN

1. Asalamualaikum kami daripada UiTM Segamat pelajar fakulti pengurusan maklumat, sesi temubual pada petang ini akan direkodkan. Bolehkah ceritakan nama penuh atuk?
2. Boleh ceritakan serba sedikit pasal atuk?
3. Bagaimana atuk boleh tinggal tinggal dekat sini?
4. Berapa jauh rumah lama?
5. Bermakna sudah lamalah atuk menetap dekat sini?
6. Pindah sini baru jumpa nenek ke jumpa dulu dekat mana mana baru pindah sini?
7. Itulah mula mula berjumpa?
8. Masa itu umur berapa?
9. Kiranya atuk kahwin umur berapa?
10. Lamalah menetap duduk sini dulu baru kahwin semua?
11. Atuk saudara dengan nenek?
12. Saudara jauh?
13. Pekerjaan masa muda muda dulu?
14. Itu yang pergi masuk polis itu ya?
15. Belajarnya sama sahaja. Cuma dia tambahan? Dia bukan rekrut semua?
16. Ketika itu polis kira ada pangkat pangkat dia ada kan?
17. ketika itu bagaimana atuk mendapat pangkat?
18. Mula mula bagaimana?
19. Dua belas tahun?
20. Masa muda membuatpadi dulu selepas itu baru pergi masuk polis?

21. Di dalam keluarga atuk ada yang menjadi polis jugak ke?
22. Dulu pergi sekolah atuk menaiki apa?
23. Ibu Bapa atuk kerja apa dahulu?
24. Boleh ceritakan macam mana segamat ini terjadi?
25. Waktu itu atuk umur berapa?
26. Ada kuburnya dekat sini?
27. Siapa pemerintah dekat sini pada ketika itu?
28. Segamat ini asalnya daerah Negeri Sembilan?
29. Bagaimana dia ambil? Ada perang ke?
30. Berapa luas kampung ini?
31. Bagaimana orang dahulu membuat rumah?
32. Bagaimana cara hidup orang kampung ini dahulu?
33. Kalau hendak menanam padi di sini di mana tok?
34. Orang kampung sudah tidak membuat padi?
35. Bilakah orang kampong berhenti membuat padi?
36. Kenapa?
37. Bekalan sudah mencukupi pada masa itu?
38. Apakah tradisi orang kampung ini?
39. Apakah pantang larang kampong ini?
40. Siapakah yang bagi memberi nama kampung tebing tinggi?
41. Apakah kesan penajah pada kampung ini?
42. Ada tinggalan ke tidak?
43. Kampung ini ada mendapat apa apa anugerah ke?

44. Kerajaan ke pejabat daerah ke?
45. Pesanan atuk kepada orang muda di kampung ini?
46. Harapan atuk untuk kampung ini?
47. Anak atuk berapa orang?
48. anak anak atuk tinggal berhampiran ke?
49. Sekarang umur atuk berapa?
50. adakah atuk terlibat secara langsung tidak dalam proses dapatkan Segamat pada masa tahun itu?
51. Atuk tahu daripada orang cerita lah ini?
52. apakah sumber utama pendapatan penduduk Segamat?
53. Kat sini ada bijih timah ke?
54. Macam mana terbentuknya Kampung Tebing Tinggi ini?
55. Yang menetap di sini itu dia buka, memang sudah ada penduduk lah di kampung ini?
56. Dia datang itu macam mana?
57. Apa keistimewaan kampung ini pada atuk?
58. Macam mana nak mohon nya atuk?
59. Maksudnya tak perlu bayar apa – apa lah untuk tanah itu?
60. Masa atuk bertugas jadi polis itu, atuk tidak bertugas di kawasan Segamat lah?
61. Atuk berhenti, bukan pencen lah?
62. Masa darurat itu macam mana atuk hidup dia?
63. Kampung Tebing Tinggi ini memang terdiri daripada pelbagai kaum?
64. Memang daripada dulu memang Melayu saja lah di sini?
65. Setakat ini berapa umur penduduk paling lama di sini?
66. Lapan puluh lima (85) lah?
67. Setakat yang atuk duduk di sini lah kan, daripada dulu sampai sekarang, banyak tidak perubahan yang ada, yang berlaku di kampung ini? Macam dari segi kehidupan dia, ataupun pembangunan di kampung ini. Ada tidak perubahan dia?
68. Dulu di kampung ini ada sekolah?
69. Dulu jalan raya ini tidak ada kan?
70. Dulu ini sungai ke?
71. Boleh tidak atuk ceritakan proses pelantikan ketua kampung di sini?

72. Setakat ini sudah ramai ketua kampung yang ada?
73. Dia macam yang lama meninggal baru lantik ke tunggu dia berhenti?
74. Kampung – kampung sekitar kampung Tebing Tinggi ini ada banyak tak?
75. Masa zaman dulu, apa pekerjaan utama kampung, penduduk kampung ni ini?
76. Kalau kerja dengan kerajaan masa itu kerja apa saja atuk?
77. Tadi atuk cakap laluan utama di kampung ini guna sungai kan. Jadi macam daripada masa zaman dulu berapa lama perjalanan daripada kampung ini hendak ke Bandar Segamat itu lalu sungai itu?
78. Jauh perjalanan?
79. Apakah kelebihan kampong tebing tinggi berbanding kampong lain?
80. Rumah tinggal nya tak da orang duduk?
81. Apakah kepentingan kampung ini pada zaman dulu bagi pemerintah Johor?
82. Kampung ni dulu dia penting ataupun tidak,?
83. Adakah penting tak hasil kampung kepada kerajaan.?
84. Penubuhan Felcra baru buka ke dah lme..?
85. Sekali dengan kampong ke?
86. bagaimana tu felcra dibuka?
87. Ada tak tokoh yang terkenal berasal daripada kampong ini?
88. Orang-orang yang terkenal daripada kampong ini? Selain daripada atok atok, orang yang lahir asal daripada kampong ini?.
89. Orang dulu-dulu yang terkenal?
90. Dia buat apa sehingga dia terkenal? Sumbangan dia?
91. Fungsi ketua kampong pada zaman sekarang?
92. Perbezaan kerja ketua kampong sekarang dengan kerja ketua kampong dulu?
93. Apa kerja ketua kampong dulu?
94. Siapa penduduk terawal dekat kampong ini pada mula-mula?
95. Org seberang datang siapa yg mula-mula yang jumpa kampong ni?
96. Tak ada apa kt sana?
97. Sekarang ni, penduduk kampung masih mengamalkn budaya gotong royong dan kekeluargaan lagi?
98. Patang larang untuk dekat kampong ni?Apa pantang larang kampong ni? Untuk orang luar?
99. Ada tak yang lain pantang larang?

IMR 604: DOKUMENTASI SEJARAH LISAN

100. Masa bermula pembentukan segamat kampung ni memang ada?
101. Keadaan keselamatan dekat kampug, semasa zaman penjajah?
102. Polis masa tu?
103. Kes paling besar masa jadi homeguard?
104. Tempat penting dekat kampung sebagai tempat peninggalan dalam sejarah contohnya rumah pasong?
105. Fungsi rumah pasong pada zaman dahulu?
106. Apa yang dilakukan Kerja di rumah pasong?
107. Rumah pasong rumah polis?
108. Siapa yang guna rumah pasong?
109. Adakah tuan, pernah tengok rumah pasong tu?
110. Pernah dengar cerita kenapa dia roboh sebab dia pindah ke jementah?
111. Mengapa Orang yang bawak semua dah banyak guna jalan darat?
112. Tindakan yang diambil jika membawa barang salah?
113. Atok pernah dengar cerita pelik-pelik pasal rumah Pasong?
114. Siapa yang mencadang kan rumah pasong, adakah daripda kerajaan ?
115. Atok tak tahu zaman pemeritahan siapa?
116. Sheikh siapa yang datang dari mana? dia punye kubur ada di belakng rumah tok imam?.
117. Org Inderagiri datang daripada mana?
118. Apakah Fungsi sungai?
119. Perahu dulu ada orang jual ke kita buat sendiri?
120. Kayu memang daripada sini atau pun daripada luar datang sini?
121. Ada tak peristiwa pelik dekat sungai tu ?.Orang mati ke?
122. Ada kemalangan ke?
123. Apa je peristiwa tu?
124. Sekarang ni, ada orang lagi pergi sungai tu?
125. Kalau banjir macam tu, dipindah kan pergi mana?.
126. Dulu banjir, berapa lama kadang-kadang seminggu ke?
127. Makan semua memang ada simpan, barang masak semua.?.
128. Ada tak kekacauan yang datang? pendatang asing? Kes-kes samseng ke?

10.0 RALAT

Ketika temuramah ini sedang dijalankan, terdapat beberapa yang dikesan yang mana mengganggu serba sedikit sesi rakaman temuramah tersebut. Ralat adalah gangguan yang disebabkan gangguan teknikal daripada alat rakaman dan juga persekitaran. Berikut adalah beberapa ralat yang dapat dikesan semasa sesi wawancara bersama Haji Ahmad Haji Hamzah:

- Bunyi batuk
- Bunyi orang bercakap
- Bunyi kenderaan

Walaupun terdapat ralat, gangguan tersebut tidak merosakkan suara semasa sesi wawancara dan masih lagi boleh didengar. Secara keseluruhannya sesi rakaman wawancara bersama Haji Ahmad Haji Hamzah berada dalam kualiti yang baik.

11.0 RUMUSAN

Oleh yang demikian, dapatlah disimpulkan bahawa projek ini telah memberi pelbagai kesan yang positif dua hala iaitu kepada para pelajar serta penduduk kampung kawasan tebing tinggi. Para pelajar dapat mengenali dan memahami gaya hidup sosiologi masyarakat segamat khususnya penduduk kampung tebing tinggi. Tambahan lagi, ia juga dapat membuka prospek lain untuk pelajar berkomunikasi dan berhubung dengan penduduk kampung sepanjang tempoh projek ini disiapkan. Semoga ukhwah yang dibina akan terus terjalin walaupun setelah projek ini disiapkan sepenuhnya. Dengan mengetahui sejarah membolehkan manusia belajar daripada sejarah. Kita haruslah mengenal sejarah kerana dengan sejarah kita akan lebih berjaya dalam hidup. Serta, apabila kita mengetahui dan mendalamai sejarah sesuatu kawasan, kita akan lebih bertanggungjawab dan lebih menghayati keunikan dan dalam usaha mengekalkan sesuatu tempat itu.

12.0 RUJUKAN

Haji Ahmad Haji Hamzah. (2015, Jun 12). Tokoh Sejarah Kampung Tebing Tinggi Segamat Johor (Norsuliana Mohd Saupi, Syaidatul Akma Omar, Nurul Syuhadah Muhammad Jamin, Penemubual)

13.0 LAMPIRAN



Sesi penyampaian cenderahati kepada Haji Ahmad dan Isteri

14.0 INDEKS

A

Abu bakar (20,72)

B

Baja (61)

Banjir (27)

Belunyau (8)

Bentan (37)

Bendahara (19)

Bijih Timah (35)

Bugis (38)

C

D

Daik (37, 61)

Darurat (44)

E

F

Felcra (50, 56)

G

Gaji (39)

Getah (34)

H

Hospital (74)

Huma (10)

Husein (20)

I

J

K

Kelebihan (54)

Keselamatan (64)

Ketua Kampung (49)

Komunis (65)

L

M

Minang (37)

N

O

P

Padi (10)

Panglima Sanchu (19)

Perang (21)

Penghulu (58)

Pemerintah (20)

Perahu (75)

Pawang (26)

Polis (13, 41)

Q

R

Rumah Pasong (66)

Rumah Jaga (65)

Rumah (9)

S

Sungai (36)

Sultan (20, 72)

T

Tebing Tinggi (22)

Tengku (20)

u

v

w

x

y

z